Junior Tiga Jilid Pertama

BAHASA MALAYSIA



Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersama
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Junior Tiga Jilid Pertama

BAHASA MALAYSIA



Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Sesuai Untuk Peringkat Junior

Bahasa Malaysia

Junior Tiga Jilid Pertama

Editor Seni: Toh Choon Moh
Penyelaras Editor: Leong Chooi Fong
Reka Bentuk Kulit: Toh Choon Moh
Reka Bentuk Grafik: Lee Bee Buan
Penyusunan Teks: Lam You Kum
Ilustrasi: Tan Kim Chong

© Dong Zong
Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahan atau bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau ditukar kepada apa-apa bentuk atau apa-apa cara, baik dengan elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengalihan bahasa dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran secara menulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© Dong Zong
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, translated in any other languages, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

Disusun oleh:
董教总华文独中工委会统一课程委员会
Jawatankuasa Kurikulum Bersama,
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Diterbitkan & diedarkan oleh:
马来西亚华校董事联合会总会（董总）
Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel :603-87362337
Fax:603-87362779
Laman Web: www.dongzong.my
E-mel: support@dongzong.my

Dicetak oleh:
Percetakan Advanco Sdn Bhd.

Edisi:
Terbitan pertama November 2008

Cetakan:
Cetakan ketigabelas September 2020

Sidang Pengarang Junior Tiga Jilid Pertama:

Penasihat:
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Chong Fah Hing
Tan Poh Boo
Goh Hin San

AJK & Editor-editor Kanan:
Chong Yok Fong
Mohd. Azlan Bin Nasarudin
Mohd. Rosli Bin Nordin
Mohd. Yusoff Bin Che Ibrahim
Nor Jaffry Shah Bin Hashim
Sek Choon Chiang
Sharifah Mat Junoh
Tin Lee Hong
Wong Kwong Hui
Yen Sui Len

Penulis:
Chong Yok Fong
Tin Lee Hong
Wong Nai Kung

Editor:
Lee Bee Kean

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini telah melibatkan pelbagai pihak. Dengan ini, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan.

PRAKATA

Buku Teks Bahasa Malaysia Peringkat Junior ditulis mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia Tahun 2002.

Buku teks peringkat junior ini dibahagikan kepada enam jilid. Terdapat dua jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun. Setiap jilid buku teks mengandungi tujuh unit.

Sebagai satu pakej, siri buku ini dilengkap dengan bahan-bahan pengajaran lain yang dirakam dalam cakera padat. Hal ini bertujuan untuk membolehkan guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan.

Matlamat kandungan buku teks junior ini bertujuan mempertingkat penguasaan dan pemahaman bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina yang merupakan pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Kandungan bagi setiap pelajaran dirancang ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai asas kemahiran berbahasa. Oleh yang demikian, keempat-empat kemahiran utama, iaitu Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membaca, Kemahiran Bertutur, dan Kemahiran Menulis diberi penekanan dalam setiap unit supaya penguasaan yang menyeluruh dapat tercapai.

Di samping itu, penulisan buku teks peringkat junior juga meliputi pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia mutakhir dan diterap melalui pendekatan yang berunsurkan tema-tema tertentu. Selain itu, nilai-nilai pendidikan moral dan kebudayaan Asia juga diterapkan melalui tema-tema tersebut. Semoga siri teks ini akan meningkatkan pencapaian pelajar dalam bahasa Malaysia di Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 1: PASAR MALAM

Membaca Dan Memahami
- Pasar Malam di Tempat Tinggalku 2

Mendengar Dan Bertutur 6

Menulis
- Karangan Jenis Gambaran 10
- Peribahasa-Perumpamaan 11

Tatabahasa
- Kesalahan Umum Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama 'Kita' dan 'Kami' 14
- Penggunaan Ejaan 17
- Penggunaan Tanda Baca 18
- Penjodoh Bilangan 19

Teknik Pembelajaran
- Penemuan Arkeologi Candi Lembah Bujang 21

Bahagian Sastera
- Cerpen: Tanah Sekangkang Kera 23



UNIT 2: SEMANGAT KEJIRANAN



Membaca Dan Memahami
- Semangat Kejiranan 30

Mendengar Dan Bertutur 35

Menulis
- Surat Kiriman Tidak Rasmi 36
- Bina Ayat 36

Tatabahasa
- Kata Penegas 37
- Ayat Tunggal 38

Teknik Pembelajaran
- Merumuskan Jadual 40

Bahagian Sastera
- Pantun: Semangat Kejiranan 43

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 3: BERKOMUNIKASI MELALUI TELEFON

Membaca Dan Memahami	
Perbualan Melalui Telefon	48
Mendengar Dan Bertutur	53
Menulis	
Karangan Jenis Dialog	54
Simpulan Bahasa	55
Tatabahasa	
Kata Ganda Seluruh	58
Ayat Songsang	60
Teknik Pembelajaran	
Mengenali dan Mencatat Idea-idea Utama	63
Bahagian Sastera	
Sajak: Telefon	67



UNIT 4: PROAKTIF



Membaca Dan Memahami	
Ucapan Sambutan Hari Guru	72
Mendengar Dan Bertutur	77
Menulis	
Karangan Jenis Ucapan	78
Bina Ayat	78
Tatabahasa	
Kata Ganda Separa	79
Ayat Nafi	82
Teknik Pembelajaran	
Permainan Bahasa-Membisikkan Pesanan	84
Merumuskan Carta Aliran	86
Bahagian Sastera	
Syair Buat Guruku	87

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 5: PERDANA MENTERI KITA

Membaca Dan Memahami	
Perdana Menteri Kita	92
Mendengar Dan Bertutur	97
Menulis	
Karangan Jenis Perbahasan	99
Peribahasa	100
Tatabahasa	
Kata Ganda Separa Berimbuhan	102
Kesalahan Umum Ayat: Ayat Aktif dan Ayat Pasif	104
Penjodoh Bilangan	107
Teknik Pembelajaran	
Karangan Jenis Perbahasan	109
Bahagian Sastera	
Sajak: Tokoh Negarawan	113



UNIT 6: PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DALAM PELBAGAI SEKTOR



Membaca Dan Memahami	
Teks 1 (Bidang Sukan)	118
Teks 2 (Bidang Ekonomi)	119
Teks 3 (Bidang Teknologi)	120
Mendengar Dan Bertutur	123
Menulis	
Karangan Jenis Laporan	124
Bina Ayat	124
Tatabahasa	
Kata Ganda (Pengukuhan)	125
Kesalahan Umum Ayat: Jenis Ayat	130
Teknik Pembelajaran	
Merumuskan Iklan	131
Bahagian Sastera	
Pantun: Bahasa Malaysia Bahasaku	133

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 7: KEPERCAYAAN

Membaca Dan Memahami
Kepercayaan Masyarakat Peribumi-Kadazan Dusun 138
Mendengar Dan Bertutur 143
Menulis
Karangan Jenis Perbincangan 143
Bidalan 144
Tatabahasa
Kesalahan Umum Penggunaan Kata Bilangan 145
Kesalahan Umum Penggunaan Penjodoh Bilangan 149
Kesalahan Umum Ayat: Ayat Tergantung 150
Teknik Pembelajaran
Memantapkan Gaya Penulisan 152
Bahagian Sastera
Cerpen: Jasa Seorang Doktor di Pedalaman 154



UNIT 1:
PASAR MALAM







MEMBACA DAN MEMAHAMI

Pasar Malam di Tempat Tinggalku

Pasar malam memang merupakan tempat yang paling popular di negara kita selain pasar raya dan pusat beli-belah. Di pasar malamlah, pelbagai jenis barang **ditawarkan**[1] kepada para pengunjung dengan harga yang lebih murah.

Di tempat tinggal aku, pasar malam diadakan seminggu sekali, iaitu pada setiap hari Selasa. Kebiasaannya, gerai-gerai akan mula **beroperasi**[2] dari pukul 5.00 petang hingga kira-kira pukul 10.00 malam di sepanjang jalan raya. Ramai pengunjung mula **membanjiri**[3] pasar malam itu seawal pukul 5.00 petang. Pengunjung muda, pengunjung tua dan kanak-kanak juga tidak ketinggalan untuk mencari keperluan di pasar malam.




Bunyi hon kereta yang **bersahut-sahutan**[4] memang memekakkan telinga. Deretan kereta yang memanjang menjadikan pasar malam semakin sibuk. Sesekali, bunyi hon kereta **menderam**[5] di celah-celah pasar malam.






Kosa Kata

1. **ditawarkan:** dikemukakan sesuatu barang atau benda supaya dibeli
   售卖
2. **beroperasi:** berniaga
   营业
3. **membanjiri:** memenuhi
   挤满
4. **bersahut-sahutan:** berbalasan-balasan
   回应
5. **menderam:** berbunyi dengan kuat
   响亮的









Gerai-gerai yang didirikan bagai cendawan tumbuh selepas hujan memang memeriahkan suasana pasar malam. Lampu-lampu neon yang menghiasi bumbung setiap gerai berkilau-kilauan menerangi kawasan sekitarnya.

Pelbagai **ragam**[6] manusia melengkapkan kesibukan pasar malam. Pekik pekuk segelintir penjual daging ayam, buah-buahan, dan sayur-sayuran kedengaran **menguasai**[7] alam. Ada yang sibuk memotong daging ayam, ada yang sibuk menimbang sayur-sayuran, dan ada yang sibuk menggoreng bebola ikan.

Sesekali, terdengarlah gelak ketawa **berderai-derai**[8] beberapa orang kanak-kanak lantas **menghangatkan**[9] suasana pasar malam. Di beberapa sudut kecil, **menderu-deru**[10] orang ramai **mengerumuni**[11] gerai-gerai makanan dan minuman. Pada ketika itu, pengunjung memang lapar dan dahaga. Aku **berkesempatan**[12] untuk membeli sebungkus air soya sejuk dan secucuk bebola ikan.



Setiap pengunjung yang singgah di gerai pastinya berkesudahan dengan beg-beg plastik yang dijinjing di kedua-dua belah tangan mereka. Aku juga tidak terkecuali daripada menjinjing dua buah beg plastik yang penuh berisi dengan sayur-sayuran seperti sawi, bayam, dan lobak merah.

Kira-kira jam 9.00 malam, orang ramai mula beransur meninggalkan pasar malam yang sibuk.

Kosa Kata

6. **ragam:** tingkah laku 举止
7. **menguasai:** memenuhi 占有
8. **berderai-derai:** berpanjangan dengan tidak teratur 不断地
9. **menghangatkan:** memeriahkan 使……热闹
10. **menderu-deru:** berduyun-duyun 成群结队的
11. **mengerumuni:** mengelilingi 群集
12. **berkesempatan:** berpeluang 有机会






Seorang penjual sate mula **menyimbah**[13] air ke arah bara api. Bara api **mendesar**[14] setiap kali terkena simbahan air. Asap kecil pula berputik menjunjung langit. Walaupun keletihan namun kepuasan yang diperoleh amat berbaloi. Sesekali, angin sendalu bertiup menampar pipi aku seolah-olah mengalu-alukan kedatangan aku pada masa akan datang.

13. menyimbah:
menyiram
淋湿



14. mendesar:
bunyi bara terkena air
如余烬被泼水时所发出的声音



Kosa Kata



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Mengapakah pasar malam merupakan tempat yang popular di Malaysia?
   A . dipenuhi oleh orang ramai kerana dekat dengan rumah
   B . pelbagai jenis barangan dijual dengan harga yang murah
   C . banyak gerai yang didirikan seperti cendawan tumbuh selepas hujan
   D . pasar malam dihiasi dengan lampu-lampu neon yang berkilau-kilauan

2. Apakah maksud perkataan 'memekakkan' dalam perenggan ketiga baris kedua?
   A . membingitkan
   B . menghiburkan
   C . memberatkan
   D . menjejaskan



3. Apakah maksud peribahasa 'bagai cendawan tumbuh selepas hujan' dalam petikan?

   A . segar   B . cantik   C . sedikit   D . banyak

4. Mengapakah banyak orang menderu-deru singgah di gerai makanan dan minuman?

   A . pengunjung pasar malam mula kehausan dan kelaparan

   B . pengunjung pasar malam mudah terpengaruh oleh pujukan para peniaga

   C . makanan dan minuman yang dijual di pasar malam terlalu murah dan bersih

   D . makanan dan minuman yang dijual di pasar malam sukar didapati di tempat lain

5. Yang manakah antara pernyataan di bawah menunjukkan anda bijak semasa berbelanja.

   A . membeli buah-buahan dengan jumlah yang banyak kerana harga yang ditawarkan terlalu murah

   B . membeli 20 ulas cempedak goreng kerana terlalu sedap walaupun hanya untuk diri sendiri

   C . membeli sayur yang segar dan sekadar mencukupi untuk kegunaan seminggu sahaja

   D . membeli rantai hiasan dan baju-baju yang cantik kerana terlalu cantik dan murah

B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Bilakah pasar malam itu diadakan?

2. Golongan manakah yang biasanya mengunjungi pasar malam?

3. Mengapakah para pengunjung tidak berasa jemu untuk mengunjungi pasar malam?

4. Nyatakan empat jenis barangan yang dijual di pasar malam tersebut.

5. Berikan dua kesan positif dan dua kesan negatif pasar malam terhadap kehidupan kita.



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

pengunjung	: pe + ngun + jung
kebiasaannya	: ke + bia + sa + an + nya
memanjang	: me + man + jang
menghiasi	: meng + hia+ si
menyimbah	: me + nyim + bah

iaitu	: ia + i + tu
memekakkan	: me + me + kak + kan
memeriahkan	: me + me + riah + kan
menghangatkan	: meng + ha + ngat + kan
menjinjing	: men + jin + jing



Bahasa Pasar

Bahasa pasar ialah bahasa percakapan harian, iaitu gabungan pelbagai jenis bahasa tanpa berdasarkan mana-mana tatabahasa yang gramatis atau betul. Bahasa pasar biasanya dipertuturkan oleh penutur bahasa yang berbeza bangsa dan budaya. Contohnya, antara penutur Melayu dengan penutur India ataupun antara penutur India dengan penutur Cina.

Bahasa Melayu Moden



Bahasa Melayu Moden ialah bahasa Melayu yang masih hidup dan berkembang serta digunakan sehingga hari ini berdasarkan tatabahasa yang gramatis atau betul. Bahasa Melayu Moden ditekankan dalam sistem pendidikan negara Malaysia.

Sila rujuki jadual di bawah untuk melihat perbezaannya.

Bahasa Pasar	Bahasa Melayu Moden
Lu pegi mana?	Awak hendak pergi ke mana?
Gua suda mau cau.	Saya akan beredar sebentar lagi.
Mali lihat itu balang manyak cun.	Marilah melihat barang yang sungguh cantik itu.
Ini buah papaya manyak cantik.	Buah betik ini elok sungguh.
Belakang kasi pukul.	Memukul dari belakang.
Itu saya punya basikal lampu tarak api.	Lampu basikal saya tidak menyala.

Aktiviti 1

Tukarkan Bahasa Pasar berikut ke dalam Bahasa Melayu Moden.

Bahasa Pasar	Bahasa Melayu Moden
1. Kasi gua itu nasi lemak satu bungkus.	
2. Itu olang banyak hati busuk.	
3. Rumput panjang itu bagi buang.	
4. Mulah, mulah! Ini dulian 1 ringgit dua bijik.	
5. Tandas itu kasi cuci.	
6. Itu loli belakang hantam gua punya kereta.	
7. Apa sudah Jadi sama lu, Amir?	
8. Jangan lu sentuh balang gua.	
9. Ini pasak punya ikan manyak murah lo.	
10. Itu Kumar punya rumah jugak.	



Aktiviti 2

Main Peranan

Secara berpasangan dengan kawan sekelas anda, sediakan satu dialog yang berlaku antara penjual dengan pembeli di pasar. Tulis dialog itu dalam bahasa Melayu Moden, kemudian lakonkannya di dalam kelas.

Aktiviti 3

Mengenal pasti Nama Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Secara berpasangan, cuba selesaikan teka-teki di bawah, kemudian cipta teka-teki anda sendiri untuk menguji rakan anda.

Bahagian A: Buah-buahan

Teka-teki 1

Badanku berbulu. Waktu muda aku hijau, waktu tua aku merah. Cuba teka siapa aku?

Jawapan: ____________________

Teka-teki 2

Badanku keras dan berduri sejak dilahirkan. Akulah raja segala buah. Cuba teka siapa aku?

Jawapan: ____________________

Teka-teki 3

Badanku bulat berpetak-petak. Rambutku cantik menjunjung langit. Aku popular dalam pelbagai jenis masakan. Cuba teka siapa aku?

Jawapan ____________________

Teka-teki 4

Di atas putih, di bawah putih. Di tengah-tengah pula air bertakung. Cuba teka siapa aku?

Jawapan ____________________





Bahagian B: Sayur-sayuran

Teka-teki 1

Badanku kurus menjurai panjang. Biji kecil menjadi rakan setiaku. Cuba teka siapa aku?

Jawapan: ______________________

____

Teka-teki 2

Warnaku hijau waktu muda. Warnaku merah apabila dewasa. Rasaku masam manis menjadi rebutan manusia. Cuba teka siapa aku?

Jawapan: ______________________

____

Teka-teki 3

Aku hidup bertuah di dunia. Badanku sentiasa diselimutkan agar tidak kesejukan. Cuba teka siapa aku?

Jawapan: ______________________

____


Teka-teki 4

Badanku putih kepalaku kuning. Aku suka bermain di dalam air. Cuba teka siapa aku?

Jawapan: ______________________

____





MENULIS

1. Karangan Jenis Gambaran

Karangan jenis gambaran memerlukan beberapa ciri seperti berikut;

- tidak berformat
- menggambarkan atau memerihalkan sesuatu yang dilihat, didengar, atau dialami sendiri
- imaginasi atau khayalan boleh diterapkan tetapi biarlah logik dan rasional
- menguasai kosa kata bahasa Malaysia yang luas supaya dapat meninggalkan kesan kepada pembaca
- dialog dan pelbagai jenis ayat seperti Ayat Seruan, Ayat Perintah, dan Ayat Tanya boleh diselitkan



Tulis sebuah karangan jenis gambaran tentang pengalaman anda semasa anda membantu bapa saudara anda berniaga di pasar malam. Panjang karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.



2. Peribahasa-Perumpamaan

Baca dan fahami maksud perumpamaan yang berikut.

Perumpamaan	Maksud	Contoh Ayat
laksana lembu kasi 	• orang yang berbadan besar tetapi berhati penakut • orang yang bersuara keras tetapi tidak menakutkan	• Abu yang tinggi dan berbadan besar itu **laksana lembu kasi** kerana dia takut akan cacing.
seperti denai gajah lalu	• sesuatu perbuatan yang jahat tentu tidak boleh disembunyikan 	• Perbuatan mencuri yang dilakukan oleh Chong secara diam-diam **seperti denai gajah lalu** kerana perbuatannya diketahui oleh penduduk kampung setelah dikesan oleh pihak polis akhirnya.
bagaimana acuan begitulah kuihnya 	• perangai anak mengikut kelakuan ibu bapanya • bagaimana kelakuan pendidik begitulah kelakuan orang yang dididiknya	• Hobi Maniam yang suka mengarang pada masa lapang sama seperti ayahnya yang merupakan seorang sasterawan negara ibarat **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.





Perumpamaan	Maksud	Contoh Ayat
seperti pisau bermata dua 	• orang yang jahat hatinya, lain yang dikata, lain pula yang disampaikan	• "Kamu perlu berhati-hati dengan apa-apa yang disampaikan oleh Shu Kee, kerana dia itu **seperti pisau bermata dua**, nanti kamu yang menjadi mangsanya," nasihat ibu kepada abang.
seperti anak ayam kehilangan ibu 	• rakyat berpecah belah kerana kehilangan pemimpin • orang yang hilang tempat bergantung	• Wei Leng menjadi anak yatim piatu **seperti anak ayam kehilangan ibu** setelah ibu bapanya terkorban dalam kebakaran itu.
ayam bertelur sebiji riuh sekampung, penyu bertelur seribu siapa pun tak tahu 	• melakukan sesuatu pekerjaan yang tidak seberapa tetapi diheboh-hebohkan, sebaliknya orang yang melakukan sesuatu perkara yang besar tidak suka menghebohkannya kepada orang ramai	• Perbuatan Ai Suan yang suka mengheboh-hebohkan bahawa dia telah mendermakan seratus ringgit kepada rumah anak yatim, tetapi ketua kampung yang telah mendermakan tapak sekolah kepada sekolah agama hanya berdiam diri ibarat **ayam bertelur sebiji riuh sekampung, penyu bertelur seribu siapa pun tak tahu**.







Padankan situasi yang berikut dengan perumpamaan yang sesuai.

Semakin banyak remaja di negara ini yang terlibat dalam masalah jenayah. Hal ini berlaku disebabkan mereka mudah meniru sikap ibu bapa mereka yang tidak menunjukkan model yang baik.

Abang Khalib menjerit ketakutan lalu melompat ke atas meja apabila ternampak seekor lipas. Adik perempuannya cepat-cepat memukul lipas itu dengan sebatang penyapu.

Encik Bahaman merupakan seorang hartawan yang suka menderma. Beliau selalu membantu golongan yang miskin secara senyap-senyap kerana baginya, semua rezeki yang diperolehnya ialah nikmat daripada Tuhan. Sebaliknya, pekerja Encik Bahaman yang bernama Encik Asrul pula suka menunjuk-nunjuk kerana suka bercerita tentang sumbangan pakaian terpakai keluarganya ke rumah anak yatim.

Nasib para pekerja syarikat itu mula tidak menentu apabila penyelia mereka telah dipecat oleh majikan.

Perbuatan Encik Tan yang selalu mendera anaknya, akhirnya terbongkar apabila anaknya dimasukkan ke hospital kerana pengsan akibat dibelasah dengan teruk.

Maniam kerap menceritakan keburukan penyelianya kepada majikan. Pada masa yang sama dia selalu memuji penyelianya semasa berdepan dengannya.

















1. Kesalahan Umum Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama 'Kita' dan 'Kami'

'Kita' dan 'Kami' tergolong dalam Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama tetapi pelajar sering terkeliru dengan penggunaannya. 'Kita' dan 'Kami' merujuk pada penggunaan jamak (melibatkan lebih daripada satu orang dan termasuk diri sendiri). Yang berikut merupakan penjelasan terperinci tentang maksud dan penggunaan 'Kita' dan 'Kami'.

Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama	Penggunaan	Contoh
kita	termasuk orang yang terlibat dalam perbualan (penutur dan pendengar)	"**Kita** perlu bekerja keras demi masa depan anak-anak kita," kata pemimpin itu kepada penduduk Kampung Semerbak. **Penutur:** pemimpin itu **Pendengar:** penduduk Kampung Semerbak **Penjelasan:** Pernyataan di atas menjelaskan bahawa pemimpin dan penduduk Kampung Semerbak (kedua-dua pihak penutur dan pendengar) perlu bekerja keras.

kami	tidak termasuk orang yang mendengar perbualan (penutur dan orang yang diwakilinya)	"**Kami** sudah melaksanakan tugasan yang diarahkan," jelas ketua kumpulan itu kepada Cikgu Rashid. **Penutur:** ketua kumpulan **Pendengar:** Cikgu Rashid **Penjelasan:** Pernyataan di atas menjelaskan bahawa ketua kumpulan dan ahli-ahlinya (penutur sahaja) sudah melaksanakan tugasan. Cikgu Rashid pula tidak terlibat dalam tugasan tersebut.

LATIHAN

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling tepat.

Kita	Kami

1. " ________________ tidak boleh berputus asa pada saat-saat begini," kata penyelia syarikat itu kepada pekerja-pekerjanya.

2. "______________ patut bersyukur terhadap apa-apa yang kita nikmati pada masa ini," nasihat Pak Hamid kepada isterinya.

3. "______________ sudah cuba sedaya upaya tetapi gagal menyelamatkan anak puan," jelas Dr. Wong kepada Puan Hamidah.

4. "Siapatah yang rela melihat anak-anak ini hidup berkeliaran di luar. ______________ juga turut bersimpati terhadap nasib mereka," jelas seorang wakil penduduk kampung kepada pegawai kebajikan yang sedang bertugas di Pejabat Kebajikan Sosial.

5. "Siapalah ________________ untuk menuntut hak kita di kota maju ini," kata Pak Mamat kepada isterinya.

6. "Alangkah beruntungnya _______________ kerana diberi baucar percuma di pusat beli-belah itu," kata Ani dan Anita kepada ibunya di rumah.

B. Lengkapkan dialog di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Kita	Kami

Tersesat Di Dalam Hutan

Samuel ialah ketua pengakap. Kumpulan Samuel tersesat di dalam hutan ketika menyertai pertandingan mencari harta karun. Yang berikut ialah dialog kumpulan Samuel.

Samuel : Dengar sini, rakan-rakan! ________________ tidak boleh berpisah buat masa ini dan kalian perlu bertenang.

Mei Ling : Samuel, apa kata kalau saya dan Siti cuba mendapatkan bantuan daripada ahli kumpulan lain?

Razak : Ya, mungkin saya dan Bang Seng boleh membantu awak berdua. ______________ perlu bekerjasama pada waktu begini.

Samuel : Baiklah. Kalian berempat pergilah mendapatkan bantuan. ______________ akan menunggu kalian di sini. Ingat, sentiasalah berhati-hati.

Razak : Baiklah. ______________ akan berhati-hati.

2. Penggunaan Ejaan

Penggunaan ejaan yang betul sangat penting dalam penulisan. Walau bagaimanapun, bahagian ini selalu diabaikan oleh para pelajar. Yang berikut adalah kesalahan ejaan yang kerap dilakukan oleh pelajar semasa penulisan dan pembetulannya.

Ejaan yang salah	Ejaan yang betul
perabut	perabot
lapuran	laporan
dailog	dialog
dairi	diari
sessi	sesi
bumiputra	bumiputera
bandaraya	bandar raya
tengahari	tengah hari
mengkagumkan	mengagumkan
khawin	kahwin
ikhtibar	iktibar
istihar	isytihar
iktiar	Ikhtiar
selsema	selesema

LATIHAN

Setiap ayat di bawah mengandungi dua kesalahan ejaan. Baiki kesalahan tersebut dan salin ayat itu semula.

1. Kebanyakkan remaja yang terlibat dalam masaalah jenayah berasal daripada keluarga yang berpecah belah.
2. Para pelancung sering dinasehatkan agar tidak mengotorkan kawasan yang dikunjungi.
3. "Adoh, sakitnya kaki ku!" Jerit Akmal sambil meraung kesakitan.
4. Kawasan pendalaman Sarawak masih didiami oleh kaum pribumi Sarawak.

5. “Siapakah yang belom menghantar buku latehan?” Tanya Cikgu Baizurah kepada murid-muridnya.
6. Kita seharusnya mengamalkan sikap baikhati dalam kehidupan kita, iaitu mengambil kira perasaan, kepeluan, dan kebajikan orang lain.
7. Kedai keraf tangan itu mempamerkan pelbagai jenis hasil kerja masarakat orang asli di Semenanjung Malaysia.

3. Penggunaan Tanda Baca

Melalui latihan ini, pelajar boleh mengetahui bahawa penggunaan tanda bacaan yang salah boleh menjejaskan ketepatan maksud yang hendak disampaikan. Oleh sebab itu, jangan mengambil mudah fungsi-fungsi tanda bacaan yang pernah dipelajari dalam unit-unit yang lepas.



Tandakan ✓ untuk ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

1. ☐ Syarikat moyotomo akan melancarkan kereta baharunya, Maonix yang dijangkakan menjadi rebutan Warga kota.
   ☐ Syarikat Moyotomo akan melancarkan kereta baharunya, Maonix yang dijangkakan menjadi rebutan warga kota.

2. ☐ “Saya rasa awak patut meminta maaf dalam hal ini,” pujuk Hafiz kepada Aiman.
   ☐ “Saya rasa awak patut meminta maaf dalam hal ini.” Pujuk Hafiz kepada Aiman.

3. ☐ “Amboi! Rajinnya awak berjahit,” ejek Suriati kepada kakak sepupunya.
   ☐ “Amboi, rajinnya awak berjahit!” Ejek Suriati kepada kakak sepupunya.



4. ☐ Peribahasa Melayu; 'sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit' mengajar kita agar lebih berjimat cermat semasa berbelanja.
   ☐ Peribahasa Melayu 'sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit' mengajar kita agar lebih berjimat cermat semasa berbelanja.

4. Penjodoh Bilangan

Perhatikan penggunaan Penjodoh Bilangan di bawah.

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
tingkat	untuk benda yang berlapis-lapis atau bertindih-tindih **contoh**: bangunan, kek	Lima **tingkat** bahagian atas bangunan itu perlu dicat semula kerana warna cat asalnya sudah luntur.
cekak	untuk ukuran yang melibatkan lingkaran atau bulatan di antara ibu jari dengan jari lain **contoh**: lidi, rumput, sirih	Ibu mencabut se**cekak** serai di belakang rumah.
laras	untuk senjata api **contoh**: meriam, senapang	Pengawal keselamatan itu memegang se**laras** senapang patah semasa menjalankan tugas di depan pintu bank itu.
timbun	untuk sesuatu benda yang berhimpun, berlonggok, bertompokan **contoh**: pasir, sampah	Terdapat beberapa **timbun**an pasir di belakang rumah itu.
gemal	untuk ukuran sebanyak yang dapat dipegang dengan cekak jari **contoh**: padi	Penuai wanita itu memegang se**gemal** padi pada tangan kirinya sebelum menyabitnya.



LATIHAN

Bina ayat berdasarkan perkataan-perkataan yang diberikan dan anda wajib menggunakan penjodoh bilangan yang baru dipelajari.

1. merampas – senapang – serbuan – rumah terbiar

2. musim – harga – durian – RM10

3. wanita – memilih - kangkung segar

4. sirih – diletakkan – tepak sirih

5. dua – bangunan - terbakar






Penemuan Arkeologi[1] Candi Lembah Bujang
Oleh: Aminnudin Mansor

Kedah mempunyai warisan senipurba[2] yang terkenal, iaitu Lembah Bujang. Lembah Bujang terletak dua kilometer dari Pekan Merbok, dan mengambil masa kira-kira satu setengah jam perjalanan dari Sungai Petani. Kedudukkan Lembah Bujang yang terletak di kaki Gunung Jerai membuatkan panaromanya begitu menarik dan udaranya nyaman.

Bukit di Lembah Bujang ini mengenali sebagai Bukit Batu Pahat. Kawasan pesekitarannya dihiasi dengan taman yang cantik dan terpelihara. Para pengunjung boleh melepaskan lelah di sini setelah puas melihat candi[3]. Di kaki bukit Bukit Batu Pahat terdapat 4 candi yang besar, iaitu Candi Pendiat, Candi Bukit Batu Pahat, Candi Pengkalan Bujang, dan Candi Bedang Dalam. Candi Pendiat dipercayai membina pada kurun ke-9 Masihi atau pada kurun ke-10 masihi. Candi Pendiat diperbuat dari Batu Lada.

Lembah Bujang juga dikenali sebagai kawasan arkeologi yang paling terkaya di Malaysia. Di sini, mendapati Museum Arkeologi yang mempamerkan gambar-gambar penemuan candi-candi tersebut. Gambar-gambar tentang kerja-kerja cari gali juga ada dipamerkan. Antara barangan yang ditemukan semasa kerja-kerja cari gali tersebut ialah lesung[4] batu, periok besi,





1. **arkeologi:**
   kaji purba
   考古学

2. **purba:**
   zaman dahulu
   古代的

3. **candi:**
   bangunan purba yang diperbuat daripada batu untuk orang Hindu atau Buddha menyembah berhala
   佛塔



4. **lesung:**
   alat untuk menumbuk
   臼

Kosa Kata



lampu gangsa, dan lukisan-lukisan pada batu. Patung-patung batu yang mengukir dalam pelbagai bentuk turut ditemukan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Dewan Siswa, Mac 2006)

LATIHAN

A. Kenal pasti 15 kesalahan yang terdapat dalam petikan di atas. Gariskan kesalahan tersebut dan betulkannya.

B. Cari maksud bagi perkataan-perkataan di bawah.

i. warisan
ii. lembah
iii. nyaman
iv. lelah
v. kurun





BAHAGIAN SASTERA

Baca cerpen di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tanah Sekangkang Kera

Aku masih mengingati **lemparan**[1] kata-kata pak cikku yang setajam lembing itu. Kata-katanya itu sering bermain-main di dalam benakku malah kadang-kadang berdengung di cuping telingaku.

"Saya nak hak saya. Tanah pusaka ini memang diwariskan oleh arwah ayah untuk saya dan adik saya. Hal ini bermakna saya juga berhak untuk memiliki separuh daripada tanah pusaka ini," laung Pak Hamid dengan nada yang tinggi.



"Pak Cik Hamid, saya faham maksud pak cik, tapi ..."

"Awak masih dikandung di dalam perut ibu awak ketika datuk awak meninggal. Awak tak berhak campur tangan dalam hal ini. Pak cik tahu berurusan dengan ibu awak." Pak Hamid memandang aku dengan mata yang tajam.

Lidah aku terkelu pada ketika itu. Mataku **terbeliak**[2]. Aku tercegat di tepi daun pintu yang usang. Tidak kusangka, Pak Cik Hamid yang aku sanjungi dan hormati selama ini sanggup mengeluarkan kata-kata yang **menggores**[3] hati ibuku.

"Awak beritahulah saya! Tanah **sekangkang kera**[4] di belakang rumah ini bukannya boleh awak usahakan. Awak dahlah uzur, sakit-sakit pula tu! Kalau jatuh sakit, siapa pula yang dapat mengerjakan tanah terbiar itu," jelas Pak Cik Hamid semakin menegangkan suasana.



Kamus Kaki

1. **lemparan:** keluaran 提出
2. **terbeliak:** terbuka besar-besar 睁得大大的
3. **menggores:** melukakan 伤
4. **sekangkang kera:** tanah yang tidak luas 一小片土地



Air jernih mula **bergenang**[5] di kelopak mata ibuku. Wajahnya sayu dan kusam. Ibuku tidak **menduga**[6] saudara yang dikasihinya selama ini sudah mula pandai **menindas**[7] orang yang tidak berkemampuan dan terdaya seperti dirinya. Ke manakah ibuku hidup menumpang sekiranya tanah pusaka itu dirampas oleh Pak Cik Hamid?

"Samad! Samad!"

Lamunanku tersentak apabila suara yang kukenali memanggil namaku.

"Ya, bu!" Jawabku seraya memandang ke arah wajah ibuku yang bermandikan peluh itu. Raut wajahnya cukup membangkitkan semangat untuk terus berjuang mencari sesuap nasi walaupun terpaksa berpanas dan berhujan setiap masa.

"Ambil duit itu dan berikan baki kepada puan tu. Dah lama puan tu menghulurkan duit kepada awak!"

Aku terus mengambil duit sebanyak RM10.00 itu lalu dimasukkan ke dalam sebuah tin Milo kosong. Kemudian, aku **meramas-ramas**[8] bekas yang penuh berisi duit syiling. Aku mengambil sekeping duit syiling bernilai 50 sen lalu menghulurkannya kepada puan yang bersenyuman manis itu.

"Terima kasih, puan. Datang lagi," kataku sambil mengukir senyuman manis di hujung bibirku."

Suasana di pasar pagi memang meriah. Suri rumah tanggalah yang merupakan pengunjung setia gerai sayur ibuku. Mereka pernah berkata bahawa sayur-sayuran yang ditanam oleh ibuku segar dan bebas daripada penggunaan racun serangga perosak.

Beberapa buah gerai sayur-sayuran turut didirikan bersebelahan dengan gerai ibuku. Pelbagai jenis sayur dijual di sini. Ada bayam, terung, kangkung, petai, paku-pakis, sawi, lobak, kubis, tauge dan banyak lagi. Tapi, sayur-sayuran yang dijual di gerai ibuku memang istimewa kerana semuanya merupakan hasil **keringat**[9] ibuku dan diriku di belakang rumah usang ibuku yang sebesar sekangkang kera itu.

"Samad! Esok jangan lupa pergi cari Pak Leman untuk dapatkan baja daripada kerajaan. Kata Pak Leman, pekebun yang kurang berkeupayaan seperti kita layak

Kamus Kaki

5. **bergenang:**
   bertakung
   盈满

6. **menduga:**
   menyangka
   料想到

7. **menindas:**
   menguasai dengan kekerasan
   压迫

8. **meramas-ramas:**
   memegang dan memicit-micit
   又捏又搓

9. **keringat:**
   usaha
   血汗

menerima bantuan berupa baja daripada pihak kerajaan," terang ibu Samad panjang lebar sambil tangannya sibuk mengemaskan sayur-sayurannya.

"Baiklah, bu!" Jawabku selamba dengan hati yang riang menanti keesokan hari yang bakal menjanjikan harapan untuk kami sekeluarga terus berjuang dalam kehidupan yang penuh dengan pancaroba ini.



Maksud Rangkai Kata

1. bermandikan peluh: dibasahi oleh keringat

Sinopsis

Samad dan ibunya terpaksa bergelut dengan kesempitan hidup setelah ayahnya meninggal dunia. Kehidupan mereka amat perit bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Jiwa Samad semakin bergolak apabila pak cik yang disanjunginya sebelum ini menunjukkan belangnya kerana ingin merebut harta berupa tanah sekangkang kera yang terletak di belakang rumah usang ibunya. Walau bagaimanapun, Samad dan ibunya tidak berputus asa dan terus mengusahakan tanah itu.



Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah menolong orang yang memerlukan bantuan.
2. Kita mestilah menjalankan tanggungjawab kita sebagai seorang anak yang soleh.
3. Kita mestilah menghormati orang yang lebih tua daripada kita.
4. Kita hendaklah berbincang dengan orang lain secara aman untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.
5. Kita hendaklah berusaha gigih untuk mencapai kejayaan.
6. Kita hendaklah tabah menghadapi cabaran hidup.

Soalan Kefahaman

1. Apakah permintaan pak cik 'aku'?
   A . menjualkan tanah pusaka datuk 'aku'
   B . mewariskan tanah pusaka datuk 'aku'
   C . merampas tanah pusaka datuk 'aku'
   D . menuntut hak tanah pusaka datuk 'aku'

2. Mengapakah 'aku' tercengang kehairanan apabila ditegah oleh pak ciknya daripada mencampuri urusan pak ciknya?
   A . Pak cik 'aku' yang merupakan orang yang paling disanjungi dan dihormati oleh 'aku' sanggup mengeluarkan kata-kata yang menggores hati.
   B . Pak cik 'aku' merupakan orang yang paling berpengaruh dalam kehidupan 'aku' sanggup mengeluarkan kata-kata yang menggores hati.
   C . Pak cik 'aku' menuduh 'aku' dan ibu 'aku' mencuri tanah pusaka arwah datuk 'aku' .
   D . Pak cik 'aku' tidak pernah memarahi 'aku' di depan ibu ' aku'.



3. Pilih pernyataan yang benar.
   - A . Ibu 'aku' sudah uzur dan tidak dapat bekerja lagi.
   - B . Ibu 'aku' ialah pemborong sayur-sayuran di pasar raya.
   - C . Pak cik 'aku' seorang saudara yang menjaga keperluan dan kebajikan orang lain.
   - D . 'Aku' dan ibu 'aku' berjuang untuk meneruskan kehidupan selagi hayat dikandung badan.


4. Bagaimanakah 'aku' dapat membantu ibunya dalam usaha mempertingkat hasil kebunnya?
   - A . mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada pihak kerajaan untuk mengerjakan tanah dan mengusahakan tanaman
   - B . bertegang urat leher dengan pak cik 'aku' kerana 'aku' mungkin berjaya mempertahankan tanah milik warisan nenek moyang
   - C . meminta sedekah daripada orang ramai bagi mengurangkan kesempitan hidup mereka
   - D . membiarkan masalah yang menghantui kehidupan dan berserah kepada takdir Tuhan

5. Yang manakah antara simpulan bahasa berikut yang sesuai menjelaskan watak 'aku'?
   - A . berat mulut
   - B . tangkai jering
   - C . ringan tulang
   - D . Abu Jahal



CATATAN

UNIT 2:
SEMANGAT KEJIRANAN







MEMBACA DAN MEMAHAMI


Semangat Kejiranan

Mentari memancarkan sinarnya tanpa belas kasihan, **memijarkan**[1] kulit yang **gersang**[2]. Daun-daun kering dari dahan yang rapuh berguguran bersama-sama angin yang bertiup dengan lembut. Rimbunan daun itu menutupi halaman rumah Nyonya Tan. Urat-urat pada tangannya jelas kelihatan. Biarpun peluh **menitik**[3], tekak kering dan kepala bagaikan ditusuk jarum-jarum halus, namun tangan Nyonya Tan masih menyapu halaman rumah dengan tenang. Bak kata pepatah 'alah bisa tegal biasa'.




Kehidupan masyarakat di Kampung Rambai aman sentosa. Penduduk di sini saling menolong antara satu sama lain seperti aur dengan tebing. Begitu juga dengan kehidupan Nyonya Tan di kampung ini yang dianggap seperti kampung halamannya walaupun dia baru menetap di sini selama lima tahun sahaja.

Tiba-tiba kedengaran suara Lee Ping memanggil ibunya. "Mak! Mak! Saya sudah menyiapkan makanan tengah hari. Marilah makan sekarang." Panggilan Lee Ping telah memeranjatkan Nyonya Tan yang sedang mengelamun. Lee Ping yang sudah **menganjak**[4] ke usia remajanya sering membantu ibunya membuat kerja memasak. Nyonya Tan pun terus ke dapur untuk makan tengah hari.



1. **memijarkan:**
   membakar
   灼伤
2. **gersang:**
   kering
   干燥
3. **menitik:**
   menitis
   滴
4. **menganjak:**
   meningkat
   成长



Kosa Kata



"Mak, bilakah kita akan membantu Mak Limah membersihkan rumahnya?" Tanya Lee Ping sambil mengunyah makanan.

"Pukul dua petang nanti. Mak Miah, Nyonya Yap dan beberapa orang kampung akan turut bersama-sama," jawabnya. Tambahnya lagi, "Kita harus membantu orang lain apabila mereka dalam kesusahan."



"Mak, bolehkah saya turut menolong Mak Limah?" Tanya Lee Ping dengan suara yang lemah lembut.

"Boleh. Lee Ping mesti ringan tulang. Mak Limah yang sudah uzur itu memerlukan bantuan kita," kata Nyonya Tan.

Selepas itu, Lee Ping mengemaskan ruang dapur sementara Nyonya Tan mencari kain buruk, berus, baldi dan sebagainya. Kemudian mereka pun melangkah ke arah rumah Mak Limah yang terletak sejauh 800 meter dari rumah mereka. Setibanya mereka di situ, beberapa orang kampung telah berkumpul di halaman rumah Mak Limah. Mereka menjalankan tugas mengikut tugasan yang diaturkan oleh Mak Miah.

Nyonya Tan mencuci dan mengemaskan ruang dapur Mak Limah yang tidak terurus manakala Mak Miah membersihkan ruang tamu yang berhabuk. Sementara itu, Nyonya Yap pula membersihkan dua buah bilik tidur. Lee Ping menyapu halaman rumah yang penuh dengan daun-daun kering. Beberapa orang lelaki pula ditugaskan untuk melakukan kerja-kerja berat seperti membaiki pagar, menggantikan atap rumbia yang bocor, dan menebas semak-samun di kawasan persekitaran rumah Mak Limah.

"Rumah Mak Limah nampak kemas dan ceria sekarang," kata Mak Miah kepada Nyonya Yap.

"Atas kerjasama semua penduduk, segala tugas dapat disiapkan dengan cepat," kata Nyonya Tan.

"Semangat ini perlu dipupuk dalam kalangan anak muda kita," kata Pak Ngah yang duduk mencangkung untuk melepaskan kepenatannya.



Wajah Mak Limah menampakkan **keceriaan**[5]. Matanya **terkejap-kejap**[6] dan berair. Dia berasa **terharu**[7] oleh sikap kejiranan penduduk kampung yang sudi menghulurkan tangan untuk mengemaskan rumahnya. Keadaan kesihatannya yang uzur itu tidak **mengizinkannya**[8] melakukan kerja-kerja tersebut. Lagipun Mak Limah pula hidup **sebatang kara**[9] kerana tidak mempunyai suami dan anak-anak.

Kerja gotong-royong itu selesai pada pukul 6.30 petang. Nyonya Tan dan penduduk kampung yang lain pun minta diri untuk pulang ke rumah masing-masing kerana hari sudah semakin gelap.

Demikianlah resmi penduduk Kampung Rambai yang tidak ruput daripada semangat tolong-menolong dalam jiwa mereka. Kita wajar membantu sesiapa sahaja yang mengalami kesusahan.



5. keceriaan:
kegembiraan
开心

6. terkejap-kejap:
terkelip-kelip
不断眨

7. terharu:
tersentuh
受感动

8. mengizinkannya:
membenarkannya
允许她

9. sebatang kara:
seorang diri
孤独

Kosa Kata



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Siapakah nama anak Nyonya Tan?

   A . Lee Ling B . Lai Ping

   C . Lee Ping D . Ping Lee

2. Di manakah latar tempat cerpen tersebut?

   A . bandar B . bandar raya

   C . desa D . pekan

3. Apakah yang dimaksudkan dengan peribahasa 'alah bisa tegal biasa'?

   A . biasa melakukan pekerjaan yang senang terlebih dahulu

   B . pernah melalui pengalaman yang pahit dalam kerjaya

   C . sudah lali dengan pelbagai pekerjaan yang berat

   D . segala kesusahan tidak akan terasa lagi sesudah biasa

4. Mengapakah Mak Limah tidak dapat mengemaskan rumahnya?

   A . malas B . uzur

   C . cedera D . lumpuh

5. Apakah langkah terbaik untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat bandar?

   A . mengadakan kempen kebersihan di seluruh negara

   B . mengadakan kenduri kahwin secara besar-besaran

   C . mengadakan rumah terbuka pada setiap perayaan

   D . menubuhkan Rukun Tetangga di setiap kawasan perumahan



B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Nyatakan tujuan Nyonya Tan dan penduduk kampung ke rumah Mak Limah.
2. Apakah maksud peribahasa 'seperti aur dengan tebing'?
3. Bagaimanakah perasaan Mak Limah setelah rumahnya dibersihkan?
4. Berikan tiga nilai murni yang ada pada penduduk di Kampung Rambai.
5. Pada pendapat anda, apakah kebaikan jika masyarakat mengamalkan semangat kejiranan?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

mentari	:	men + ta + ri
memijarkan	:	me + mi + jar + kan
gersang	:	ger + sang
menitik	:	me + ni + tik
mengejab-ngejab	:	me + nge + jab + nge + jab

tekak	:	te + kak
menganjak	:	me + ngan + jak
mengunyah	:	me + ngu + nyah
terharu	:	ter + ha + ru
mengelamun	:	me + nge + la + mun





1. Membuat Kad Ucapan

Secara berkumpulan, anda dikehendaki membuat kad ucapan terima kasih kepada kawan yang telah membantu anda menjual buah-buahan semasa musim buah-buahan. Kemudian salah seorang pelajar diminta membentangkan isi kandungan kad tersebut.


2. Aktiviti Bertutur

Berdasarkan gambar yang diberikan, ceritakan perasaan anda setelah melihat gambar tersebut.









MENULIS

1. Surat Kiriman Tidak Rasmi



Kawan anda dari Pulau Langkawi telah menolong anda mendapatkan maklumat tentang kegiatan ekonomi di pulau tersebut kerana anda memerlukannya untuk menyiapkan projek Geografi. Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk mengucapkan terima kasih atas pertolongannya. Panjang karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

2. Bina ayat

Bina satu ayat bagi setiap patah perkataan di bawah ini dengan menggunakan tidak kurang daripada lapan patah perkataan.

- memancarkan
- menganjak
- keceriaan
- memijarkan
- memeranjatkan
- mengejap-ngejap
- mengelamun
- gersang
- ditusuk
- menitik







1. Kata Penegas

Kata Penegas ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan kepada bahagian-bahagian yang tertentu dalam ayat.

Contoh : -kah, -tah, -lah, lagi, pun, hanya, sahaja, juga, jua, memang

Kita sudah mempelajari Kata Penegas semasa di Junior Dua. Latihan di bawah merupakan satu latihan pengukuhan Kata Penegas.



Isi tempat kosong dengan Kata Penegas yang sesuai.

1. Pelajar yang miskin itu apa ____________ kurangnya.
2. Berapa ____________ harga kereta buatan Jepun itu?
3. Kotor ____________ bilik air itu?
4. "Datang ____________ ke rumah nenek saya pada hujung minggu ini," kata Syukor kepada Anjali.
5. Pada cuti semester kedua, kawan Sally ____________ bekerja di pasar raya.
6. Pelajar itu ____________ beredar dari kantin selepas makan mi goreng.
7. Zaiton ____________ yang mendapat hadiah pertama dalam pertandingan menulis esei.





8. Kalau terjadi apa-apa terhadap budak lelaki itu, kita ____________ yang susah.
9. Wati akan berada di Ipoh selama tiga hari ____________.
10. Pak Sharil belum membayar hutangnya ____________.
11. Dia tidak tahu membaca _____________ walaupun sudah berumur 10 tahun.
12. Oh Tuhan, apa ___________________ daya aku untuk menyelesaikan konflik keluargaku!
13. Meng Kee dan Meng Kiat _____________ berbakat dalam bidang lakonan.
14. Bunga ros itu merah ____________ harum.
15. Setelah mandi, datuk _______________ berehat di anjung rumah.
16. Apa-apa ____________ masalah yang dihadapi, kita harus berusaha untuk menyelesaikannya.




17. "Panjang ____________ pembaris itu," kata Liza kepada Salman.
18. ____________ pelajar perempuan dibenarkan berambut panjang di sekolah ini.
19. Tuhan ____________ Yang Maha Mengetahui.
20. Anak-anak yatim _______________ memerlukan bantuan kewangan daripada orang ramai.

2. Ayat Tunggal

Ayat Tunggal juga dikenali sebagai Ayat Selapis. Ayat Tunggal ialah ayat yang terdiri daripada satu Subjek dan satu Predikat.

Kita sudah mempelajari Ayat Tunggal semasa di Junior Satu dan Junior Dua. Latihan di sebelah merupakan pengukuhan Ayat Tunggal.



LATIHAN

Tulis perkataan 'betul' sekiranya ayat-ayat di bawah merupakan Ayat Tunggal.

1.	Zaki dan Razali akan berpindah ke Taiping.	
2.	Mazni terjatuh ke dalam longkang.	
3.	Azizah menjerang air setiap hari.	
4.	Nenek suka menanam sayur dan pokok bunga di belakang rumah.	
5.	Datuk Sukri menebang pokok kelapa dengan sebilah parang.	
6.	Hang Kasturi belajar seni silat pada setiap malam.	
7.	Rumah Nurul Huda sangat kecil tetapi kemas.	
8.	Encik Nathan akan berhijrah ke Kanada.	
9.	Kapal terbang itu mendarat di Pulau Kapas.	
10.	Pondok itu sudah usang.	
11.	Lelaki yang merompak gerai makanan itu telah ditangkap oleh polis.	
12.	Pak Cik Yong menonton televisyen sambil menyirat jaring.	
13.	Buah cempedak itu sudah ranum.	
14.	Mak Cik Song menoreh getah walaupun dia sakit pinggang.	
15.	Kita harus menghargai jasa orang tua.	



Merumuskan Jadual

1. Panduan Merumuskan Jadual

Perhatikan jadual di bawah ini dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang salah laku pelajar di Sekolah Menengah Mawar. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 110 patah perkataan.

Salah Laku Pelajar di Sekolah Menengah Mawar pada Tahun 2007

Jenis Salah Laku	Bilangan Kes
ponteng sekolah	25
merokok	28
mewarnakan rambut	21
memeras ugut	12
meniru	18
merosakkan harta benda sekolah	8
berjudi	10

2. Rangka Rumusan

Pendahuluan

Jadual tersebut menunjukkan salah laku pelajar di Sekolah Menengah Mawar pada tahun 2007.

Isi Tersurat

1. Terdapat tujuh jenis salah laku pelajar di Sekolah Menengah Mawar.
2. Merokok merupakan salah laku yang paling kerap dilakukan, iaitu sebanyak 28 kes.
3. Jenis salah laku yang kedua tinggi ialah ponteng sekolah, iaitu 25 kes.
4. Perbuatan merosakkan harta benda sekolah merupakan kes salah laku yang terendah, iaitu lapan kes.

Isi Tersirat

1. Pelajar yang terlibat dalam kes salah laku disebabkan kurang didikan agama.
2. Mereka melakukan perbuatan salah laku semata-mata untuk mendapat perhatian ibu bapa.
3. Faktor lain ialah pelajar dipengaruhi oleh rakan sebaya.
4. Suasana pembelajaran yang membosankan menyebabkan mereka gemar ponteng sekolah.

Penutup

Kesimpulannya, langkah proaktif untuk menangani perbuatan salah laku perlu diambil agar masalah sosial dalam kalangan pelajar dapat dikurangkan.

3. Contoh Rumusan

Jadual tersebut menunjukkan salah laku pelajar di Sekolah Menengah Mawar pada tahun 2007.

Terdapat tujuh jenis salah laku pelajar di Sekolah Menengah Mawar. Merokok merupakan salah laku yang paling kerap dilakukan, iaitu sebanyak 28 kes. Jenis salah laku yang kedua tinggi ialah ponteng sekolah, iaitu 25 kes. Perbuatan merosakkan harta benda sekolah pula merupakan salah laku yang terendah, iaitu lapan kes.

Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes salah laku disebabkan kurang didikan agama. Mereka berbuat demikian semata-mata untuk menarik perhatian ibu bapa. Selain itu, pelajar juga mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya. Suasana pembelajaran yang membosankan juga menyebabkan keadaan ini berlaku.

Kesimpulannya, langkah proaktif perlu diambil agar masalah sosial dalam kalangan pelajar dapat dikurangkan.

(107 patah perkataan)

LATIHAN

Perhatikan jadual di bawah dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang penyertaan wanita Malaysia mengikut pekerjaan pada tahun 2007. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 110 patah perkataan.

Penyertaan Wanita Malaysia Mengikut Pekerjaan pada Tahun 2007

Sektor Pekerjaan	Peratus
pertanian	8
perlombongan	5
perindustrian	43
pembinaan	2
perniagaan	31
perkhidmatan masyarakat	11
Jumlah	**100**





BAHAGIAN SASTERA

Dengar dan baca pantun di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Semangat Kejiranan



Nyonya Tan sedang membanting,
mencari upah di sawah Pak Isa;
Semangat kejiranan sangat penting,
amalan hidup masyarakat desa.

Lee Ping **meredah**[1] Rimba Rokan,
kedengaran harimau kuat mengaum;
Tradisi **berderau**[2] harus diteruskan,
dapat memperkukuh perpaduan kaum.

Mak Limah wanita berhati mulia,
suka berbakti sepanjang hayat;
Bekerjasama amalan yang mulia,
menjamin kesejahteraan seluruh rakyat.

Pak Ngah berlatih dengan gigih,
usahanya ikhlas membawa berkat;
Zaman siber semakin **canggih**[3],
kian lunturlah hidup **bermuafakat**[4].

(Tina Tin Lee Hong)



Kamus Kaki

1. **meredah:**
   melalui
   穿越
2. **berderau:**
   bergotong-royong
   合作
3. **canggih:**
   moden
   先进
4. **bermuafakat:**
   bersepakat
   协商



Maksud Pantun

Rangkap 1
Semangat kejiranan menjadi amalan penting masyarakat desa.

Rangkap 2
Sikap bergotong-royong perlu diteruskan untuk mengeratkan perpaduan pelbagai kaum.

Rangkap 3
Sikap bekerjasama merupakan nilai murni yang dapat menjamin keharmonian rakyat jelata.

Rangkap 4
Zaman moden menyebabkan semangat kejiranan semakin renggang.

Unsur Pengajaran

1. Kita perlu hidup bermuafakat.
2. Kita harus menolong jiran yang menghadapi masalah.
3. Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan.

Soalan Kefahaman

1. Apakah maksud rangkai kata 'sepanjang hayat'?
   A . satu abad
   B . seumur hidup
   C . setahun jagung
   D . sepanjang zaman

2. Masyarakat manakah yang mengamalkan semangat kejiranan?
   A . bandar raya
   B . setinggan
   C . bandar
   D . desa


3. Antara berikut yang manakah **tidak** berkaitan dengan semangat kejiranan?
   A . prihatin
   B . bertoleransi
   C . bantu-membantu
   D . mementingkan diri

4. Apakah unsur pengajaran dalam rangkap ketiga?
   A . Kita mestilah membantu orang setiap masa.
   B . Kita haruslah melengkapkan diri dengan teknologi maklumat.
   C . Kita hendaklah saling membantu untuk mengekalkan keharmonian.
   D . Kita perlulah menjalinkan persahabatan demi kepentingan diri sendiri.

5. Apakah faedah jika masyarakat mengamalkan semangat kejiranan?
   I mengeratkan perhubungan sesama kaum
   II meningkatkan hasil pendapatan negara
   III masyarakat hidup aman damai
   IV mempertahankan negara daripada serangan musuh
   A . I dan II
   B . I dan III
   C . II dan IV
   D . III dan IV

CATATAN

UNIT 3:
BERKOMUNIKASI MELALUI TELEFON







MEMBACA DAN MEMAHAMI

Perbualan Melalui Telefon

Pada malam hari Rabu yang lalu, Yie Chien yang tinggal di asrama Sekolah Menengah Kuen Cheng menelefon ibunya, Puan Mah. Dia berbuat demikian untuk mendapat kebenaran ibunya bagi menyertai aktiviti perkhemahan di Tangkak, Johor, pada masa cuti semester pertama persekolahan.

Yie Chien : Helo! Saya, Yie Chien. Boleh saya bercakap dengan mak?

Yie Leng : Helo, apa khabar kakak? Sudah seminggu kakak tidak menelefon kami. Saya rindu akan kakak. Mak tengah mandi.

Yie Chien : Sihat-sihat sahaja. Kakak sangat sibuk sekarang kerana peperiksaan semester pertama menjelang. Kakak mesti menelaah pelajaran agar lulus dalam peperiksaan nanti.

Yie Leng : Oh, begitu rupa-rupanya! Peperiksaan sekolah saya sudah berlalu dan saya sedang menunggu keputusannya.



1. bergegas: tergesa-gesa 匆匆忙忙/慌慌张张

Kosa Kata

Yie Chien : Adik, tolong tengok mak sudah siap mandi? Kakak ada hal penting hendak dibincangkan dengan mak.

Yie Leng : Tunggu sebentar ya, kakak.

(Yie Leng meletakkan gagang telefon di atas meja lalu pergi memanggil ibunya. Kemudian Puan Mah **bergegas**[1] ke ruang tamu untuk menjawab panggilan telefon itu.)



Puan Mah : Yie Chien, ini mak, ada hal penting?

Yie Chien : Ada, mak. Selepas peperiksaan **semester**[2] pertama nanti, pihak asrama akan **menganjurkan**[3] aktiviti perkhemahan di Tangkak. Bolehkah saya menyertainya?

Puan Mah : Boleh. Bila dan berapa harikah aktiviti tersebut diadakan?

Yie Chien : Aktiviti tersebut akan diadakan dari 28 Mei hingga 29 Mei ini. Saya akan banyak mempelajari perkara yang tidak diajarkan di sekolah seperti mendirikan khemah, memasak dengan menggunakan kayu api, berkayak, dan **meredah**[4] hutan. Aktiviti **berkayak**[5] memang menyeronokkan. Kesemua aktiviti tersebut dapat melatih saya berdikari, **mempraktikkan**[6] amalan bekerjasama, dan menguji kekuatan **fizikal**[7].

Puan Mah : Kalau begitu, mak berharap agar kamu menjaga diri dan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak asrama **umpama bagaimana bunyi gendang begitulah tarinya**.

Yie Chien : Tapi mak, saya perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak RM100.00. Saya juga memerlukan RM50.00 sebagai wang saku.



Kosa Kata

2. **semester:** setengah tahun akademik
半学年

3. **menganjurkan:** mengadakan
举办

4. **meredah:** menempuh
穿越

5. **berkayak:** mendayung sejenis sampan
划船

6. **mempraktikkan:** mengamalkan
实践

7. **fizikal:** jasmani
体能

Puan Mah : Baiklah, mak akan memasukkan wang ke dalam akaun kamu pagi besok. Berhati-hatilah dan jangan **merayau-rayau**[8] tanpa teman apabila berkhemah di sana. Nanti **tersesat**[9] pula.

Yie Chien : Terima kasih, mak. Saya akan mendengar nasihat mak. Selamat malam, mak.

Puan Mah : Selamat malam, Yie Chien.

Selepas itu, Yie Chien pun beredar dari **lobi**[10] asrama dan kembali ke biliknya. Dia mengulang kaji pelajaran bersama rakan sebiliknya sehingga pukul 10.30 malam.

8. **merayau-rayau:**
   berkeliaran
   游荡

9. **tersesat:**
   tersalah jalan yang diikuti
   迷路

10. **lobi:**
    ruang legar
    厅堂

Kosa Kata





KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Berapa orangkah yang terlibat dalam perbualan telefon?
   - A . dua orang
   - B . tiga orang
   - C . lima orang
   - D . tujuh orang

2. Sudah berapa harikah Yie Chien tidak menelefon keluarganya?
   - A . dua hari
   - B . tujuh hari
   - C . sepuluh hari
   - D . sembilan hari

3. Apakah yang dilakukan oleh Puan Mah ketika Yie Chien menelefonnya?
   - A . Puan Mah sedang makan malam.
   - B . Puan Mah sedang mandi di bilik air.
   - C . Puan Mah sedang berenang di kolam.
   - D . Puan Mah sedang menyiapkan makanan malam.

4. Apakah aktiviti yang dianjurkan oleh pihak asrama Sekolah Menengah Kuen Cheng?
   - A . aktiviti perkelahan
   - B . aktiviti beriadah
   - C . aktiviti kokurikulum
   - D . aktiviti perkhemahan

5. Apakah maksud perumpamaan 'bagaimana bunyi gendang begitulah tarinya'?
   - A . bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan
   - B . membuat sesuatu kerja yang belum sampai masanya
   - C . mematuhi peraturan dan arahan dengan betul
   - D . berjimat cermat semasa berbelanja

B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Apakah tujuan utama Yie Chien menelefon ibunya?

2. Bilakah aktiviti perkhemahan itu akan diadakan?

3. Apakah faedah-faedah yang akan diperoleh oleh Yie Chien semasa menyertai aktiviti perkhemahan itu?

4. Berapakah yuran pendaftaran yang diperlukan oleh Yie Chien untuk menyertai perkhemahan itu?

5. Pada pendapat anda, apakah sikap yang perlu diamalkan oleh setiap peserta dalam aktiviti tersebut?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

menelaah	: me + ne + la + ah
semester	: se + mes + ter
bergegas	: ber + ge + gas
perkhemahan	: per + khe + ma + han
menguji	: me + ngu + ji

berkayak	: ber + ka + yak
pendaftaran	: pen + daf + ta + ran
fizikal	: fi + zi + kal
lobi	: lo + bi
mempraktikkan	: mem + prak + tik + kan



1. Bertutur

A. Anda hendak mengajak rakan anda menghadiri majlis hari jadi rakan sekelas anda pada hari minggu. Telefonlah rakan anda tersebut dan nyatakan tujuan anda menelefonnya. Lakonkan perbualan tersebut.

B. Anda telah kehilangan sebuah buku cerita yang dipinjam daripada seorang rakan baik anda, Mawar. Anda pun pergi ke Kedai Buku Chip Lee untuk membeli sebuah buku gantian. Malangnya, kedai buku tersebut telah kehabisan stok. Selepas itu, anda pun menelefon rakan anda. Sila lakonkan perbualan tersebut.

2. Mendengar


Dengar perbualan yang dimainkan di dalam kelas. Anda dikehendaki mencatat isi tentang proses membuat pasu dalam bentuk peta minda.



MENULIS

1. Karangan Jenis Dialog

Anda menelefon sepupu anda yang merupakan pelajar cemerlang di sekolahnya untuk mengetahui cara pembelajarannya. Tulis perbualan antara anda dengan sepupu anda itu. Panjang karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.



2. Simpulan Bahasa


Baca dan fahami maksud Simpulan Bahasa berikut.

Simpulan Bahasa	Maksud	Contoh Ayat
buah mulut	perkara yang menjadi tajuk perbualan oleh orang ramai	Kelakuan buruk Enri menjadi **buah mulut** orang kampungnya.
jiwa besar	mempunyai cita-cita dan semangat yang tinggi	Zawiyah mempunyai **jiwa besar** untuk menjadi komposer muzik yang terkenal.
lada api	orang yang berbadan kecil tetapi berani	Sungguhpun tubuh Khalijah kecil tetapi dia seperti **lada api** kerana ditakuti oleh rakan sekelasnya.
makan garam	mempunyai pengalaman dalam hidup	Kita mesti menghormati orang-orang tua kerana mereka terdahulu lebih **makan garam** daripada kita.
sebulat suara	perkara yang dipersetujui oleh semua pihak	Ahli Persatuan Bahasa Malaysia **sebulat suara** melantik Syarihah sebagai pengerusi baharu mereka.
batu loncatan	orang atau tempat yang dipergunakan untuk mencapai sesuatu	Kerja yang dilakukannya sekarang hanyalah sekadar **batu loncatan** untuk dia mendapat pekerjaan yang lebih baik.
batu api	penghasut	Ros dan Malim bergaduh tadi disebabkan oleh Rosli yang menjadi **batu api**.

LATIHAN

A. Lengkapkan gambar rajah di bawah dengan menyatakan akibat daripada maksud setiap simpulan bahasa.

Simpulan Bahasa | **Akibat**



B. Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan Simpulan Bahasa yang paling sesuai.

1. Dialah ____________ yang merenggangkan hubungan antara Tijah dengan suaminya.

2. Kemalangan ngeri yang menimpa keluarga Mak Kamisah menjadi ________________ penduduk di Kampung Pandan Indah.

3. Hamidah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pelajarannya kerana dia mempunyai ________________ untuk menjadi ahli sains.

4. "Kamu hendaklah mendengar nasihat emak kerana emak lebih dahulu____________", kata Mak Cik Katie kepada Surinah.

5. Nadra wanita yang berbadan kecil tetapi dia ______________________ dan berjaya mendaki Gunung Everest.

6. Ahli jawatankuasa ______________________ melantik Datuk Bahar sebagai pengerusi baharu.

7. Encik Leong bekerja sebagai pegawai pemasaran hanya sekadar ________________ untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik.





1. Kata Ganda Seluruh

Kata Ganda Seluruh ialah kata yang terbentuk melalui proses pengulangan kata.

Kata Ganda Seluruh

Contoh:

Penggandaan	Contoh Ayat
budak-budak	**Budak-budak** itu sedang bermain bola sepak di padang sekolah.
kereta-kereta	**Kereta-kereta** yang telah lama digunakan perlu diperiksa oleh Puspakom.
buku-buku	**Buku-buku** cerita di perpustakaan itu telah dikoyakkan oleh kanak-kanak yang nakal.
ketua-ketua	**Ketua-ketua** darjah akan menyertai kem motivasi pada hari Sabtu.
pelatih-pelatih	**Pelatih-pelatih** Program Latihan Khidmat Negara akan diberikan elaun yang berpatutan.
pelabuhan-pelabuhan	**Pelabuhan-pelabuhan** utama di Malaysia mempunyai kemudahan kontena dan gudang.
besar-besar	Rumah di Petaling Jaya **besar-besar**.
rendah-rendah	Pokok di kebun bunga itu **rendah-rendah**.
tinggi-tinggi	Bangunan di Kuala Lumpur **tinggi-tinggi**.





Isi tempat kosong dengan Kata Ganda Seluruh yang sesuai.


1. Kakak Zaitun masih ________________ akan kejujuran suaminya.

2. Ayah Ramli sedang memasang ________________ pada pintu bilik datuk.

3. ________________ Pak Cik Kasim telah reput kerana dimakan oleh ____________________.

4. ____________________ Hasree telah terluka kerana bermain mercun.

5. Sepupu saya suka memelihara ________________ di dalam akuarium.



6. Pada waktu petang, nenek suka ________________ sahaja di sofa.

7. Para pelajar bergotong-royong untuk membersihkan __________________ yang kotor itu.

8. Buah rambutan yang telah masak itu ________________.

9. Rumah yang terletak di Bukit Merah ________________.

10. Abang Long berjaya menangkap ________________ di semak samun itu.



11. ____________________ yang berterbangan di Taman Negara Belum berwarna-warni.

12. Nurul suka makan ____________________ yang dibuat oleh emak.

13. ____________________ yang uzur itu tersadai di tepi Pantai Batu Hitam.

14. Di kawasan sawah padi, petani-petani memacakkan ________________________ untuk menghalau ____________________.

15. ____________________ pokok manggis gugur di halaman rumah Tuk Lim.

2. Ayat Songsang

Ayat Songsang terbentuk apabila unsur-unsur dalam konstituen predikat yang biasanya hadir selepas subjek dipindahkan ke hadapan subjek. Unsur-unsur yang dikedepankan itulah yang hendak diberi penegasan.

Ayat Songsang

Contoh: Penukaran Ayat Biasa kepada Ayat Songsang

Ayat Biasa

Subjek	Predikat
1. Perangainya	baik sungguh.
2. Pendaki itu	berjaya juga akhirnya.
3. Budak-budak itu	masih mandi.
4. Baju kebaya itu	untuk ibu.
5. Bangunan itu	masih teguh lagi.

Ayat Songsang

Predikat	Subjek
1. Baik sungguh	perangainya.
2. Berjaya juga	akhirnya pendaki itu.
3. Masih mandi	budak-budak itu.
4. Untuk ibu	baju kebaya itu.
5. Masih teguh lagi	bangunan itu.

LATIHAN

A. Tentukan bahagian Subjek dan Predikat bagi ayat-ayat di bawah, kemudian nyatakan sama ada ayat tersebut Ayat Biasa atau Ayat Songsang.

Ayat Songsang

Ayat	Jenis Ayat
1. Lelaki itu pengurus bank.	
2. Comel kucing itu.	
3. Rumah banglo itu terletak di atas bukit.	
4. Enak sekali buah itu.	
5. Masih belum sampai murid itu.	
6. Terkilan tadi hati Suraya.	
7. Saya membaca buku cerita di perpustakaan.	
8. Pesakit itu sedang sakit tenat.	

B. Tukarkan Ayat Biasa berikut kepada Ayat Songsang.

Ayat Songsang

1. Awak menarilah.
2. Hadiah itu daripada siapa?
3. Yang datang itu Malina?
4. Adik pergilah dari sini.
5. Kamu datanglah lagi.
6. Buku cerita itu saya baca.
7. Anda dilarang memasuki dewan ini.
8. Mereka ke Banting tadi.
9. Cik Lian bersiar-siar dengan keluarga semalam.
10. Melisa Teng tinggal di Sitiawan lebih daripada 20 tahun.
11. Kanak-kanak yang berbaju belang itu cerdik sungguh.
12. Remaja perlu dididik dengan sempurna.
13. Peserta itu berhati-hati mendaki Gunung Tahan.
14. Baju ceongsam itu telah engkau jahit?
15. Melancong hobi saya.



Mengenali dan Mencatat Idea-idea Utama

Pelbagai cara boleh digunakan oleh pelajar untuk mencari bahan penulisan. Para pelajar boleh mengumpul bahan daripada pelbagai sumber seperti keratan surat khabar, majalah, dan internet. Setelah mengumpul bahan tersebut, para pelajar perlu membaca, mengenali, dan mencatatkan idea-idea utama. Idea-idea utama didefinisikan sebagai isi-isi yang ingin diketengahkan dalam sesuatu petikan. Kebiasaannya idea-idea utama terdapat dalam ayat pertama setiap perenggan.

Rencana berikut membincangkan perlumbaan haram dalam kalangan remaja. Perkataan-perkataan yang dicetak tebal itu merupakan idea-idea utama yang ingin dibincangkan dalam perenggan tersebut. Baca petikan di bawah, kemudian perhatikan cara-cara penyusunan idea utama.

Tajuk: Perlumbaan Haram dalam Kalangan Remaja

Sejak kebelakangan ini, **kegiatan perlumbaan haram dalam kalangan remaja semakin serius**. Para remaja berani menunggang motosikal dengan laju di jalan raya sambil menunjukkan aksi-aksi yang menakutkan seperti mengangkat tayar hadapan motosikal. Perbuatan mereka bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada diri mereka tetapi juga kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Maka, punca-punca berlakunya gejala ini harus dikenal pasti sebelum langkah-langkah mengatasinya diambil.

Salah satu puncanya adalah **kurangnya perhatian ibu bapa terhadap anak-anak**. Hal ini kerana, ibu bapa sibuk bekerja dari waktu pagi hingga waktu malam. Faktor kesibukan menyebabkan mereka tidak mengambil tahu tentang kegiatan anak-anak. Anak-anak mula berasa bosan berada di dalam rumah dan mula bergaul dengan rakan-rakan yang berpelesiran.

Pengaruh rakan sebaya juga menyebabkan para remaja menyertai kegiatan lumba haram. Sudah menjadi lumrah, remaja bersifat ingin mencuba sesuatu yang baharu dan menyeronokkan. Jika seseorang remaja berkawan dengan rakan yang suka berlumba haram, dia juga akan turut terlibat dalam kegiatan itu. Mereka akan berlumba dengan rakan-rakan setiap hari supaya mereka diterima dalam kumpulan tersebut.

Di samping itu, ada sesetengah remaja yang melakukan kegiatan perlumbaan haram untuk **melepaskan tekanan**. Mereka menganggap bahawa menunggang motosikal dengan laju dapat mengurangkan atau menghilangkan tekanan tersebut. Sebenarnya, tindakan sedemikian bukanlah cara yang baik tetapi membawa kecelakaan yang boleh meragut nyawa mereka sendiri.

Kesimpulannya, **semua pihak perlu mengambil langkah proaktif** untuk menangani gelaja lumba haram ibarat kata 'mencegah lebih baik daripada mengubati'. Para remaja perlu diberi kaunseling untuk menyedarkan mereka tentang keburukan perlumbaan haram.

(diubah suai daripada Fokus SPM, Mei 2007)




LATIHAN

Baca rencana di bawah kemudian gariskan idea-idea utama yang terdapat dalam petikan.

Tajuk: Ceti Haram
Oleh: Tina Ting

Ceti haram atau along merupakan orang yang menjalankan kegiatan meminjamkan wang kepada orang ramai dengan kadar faedah yang tinggi secara haram dari segi undang-undang negara. Kegiatan ini telah lama wujud dan mendapat sambutan hangat daripada masyarakat Malaysia.

Kebanyakan golongan berpendapatan rendah terpaksa meminjam wang daripada ceti haram untuk meneruskan kehidupan. Jika berlaku kemalangan, kesakitan, kematian dan sebagainya, mereka tiada wang simpanan untuk menampung keperluan mendadak. Lagipun, mereka tidak layak memohon pinjaman bank atau bank mengambil masa yang lama untuk memproses urusan pinjaman. Persoalannya ialah siapakah yang akan membantu mereka pada saat-saat genting itu? Jawapannya sudah tentu ceti atau along.



Terdapat juga sesetengah orang yang sanggup meminjam wang semata-mata untuk berbelanja kerana ingin menjaga imej dan hidup mewah. Misalnya, isteri seorang usahawan kecil meminjam wang daripada along untuk menunjukkan imej kepada rakan-rakannya agar dipandang tinggi oleh mereka. Ada juga peniaga kecil yang mahu memajukan perniagaan mereka terpaksa meminjam wang daripada along kerana

kesukaran mendapatkan pinjaman bank. Peniaga ini juga tidak mempunyai cagaran yang dapat memenuhi syarat pihak bank.

Perkara yang lebih menyedihkan ialah golongan pekerja yang mempunyai sikap boros. Mereka menghabiskan wang untuk membeli barangan berjenama, kereta dan motosikal mewah tanpa menghiraukan kemampuan mereka. Malah, bagi sesetengah masyarakat, berhutang menjadi gaya hidup mereka. Mereka ingin mempamerkan kemewahan hidup kepada rakan-rakan dan saudara mara walaupun mereka tidak berkemampuan. Maka, mereka mengambil risiko untuk meminjam wang daripada ceti haram sehingga menyebabkan mereka berhutang sekeliling pinggang.

Kesimpulannya, kegiatan ceti haram haruslah dipantau oleh pihak berkuasa supaya masyarakat tidak terpedaya. Penguatkuasaan undang-undang harus dilaksanakan untuk melumpuhkan kegiatan ceti haram agar masyarakat tidak menjadi mangsa lintah darat.

(dipetik dan diubah suai daripada Dewan Masyarakat, Mei 2003)





BAHAGIAN SASTERA

Dengar dan baca sajak di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Telefon

Dulu ...
kita terhutang budi,
seorang insan terunggul,
namanya Alexander Graham Bell,
mereka cipta alat **komunikasi**[1] pertama,
tentunya telefon.

Buktinya ...
ciptaannya dikenangi dunia sejagat,
merapatkan **silatulrahim**[2] sesama insan,
bertanya khabar sesama mereka,
manfaat kepada semua,
tak kira usia, agama dan bangsa,

Kini ...
insan masih tidak puas hati,
terus memerah minda
mencipta alat komunikasi canggih,
telefon tanpa talian,
iaitu telefon selular,



Kamus Kaki

1. **komunikasi:** perhubungan 通讯
2. **silatulrahim:** perhubungan persahabatan 友谊

Kepelbagaian fungsinya,
berkomunikasi,
menghantar **mesej**[3] ringkas,
memperoleh maklumat,
menatap[4] wajah orang tersayang,
menangkap gambar dan …

Insan makin rasai…
dunia kian kecil.

(Tina Ting)

Kamus Kaki

3. **mesej:**
   pesanan
   留言

4. **menatap:**
   melihat
   注视



Maksud Rangkai Kata

1. dunia sejagat: di seluruh alam 全球
2. memerah minda: berfikir dengan bersungguh-sungguh 绞尽脑汁

Maksud Sajak

Rangkap 1

Manusia terhutang budi kepada Alexander Graham Bell kerana telah mencipta telefon.

Rangkap 2

Ciptaan telefon telah merapatkan perhubungan sesama manusia di seluruh dunia dan membolehkan saudara-mara dan rakan-rakan berkomunikasi antara satu sama lain.

Rangkap 3

Walaupun wujudnya telefon tetapi manusia masih tidak berpuas hati dengan kemajuan tersebut. Manusia terus mencari jalan untuk mereka cipta alat komunikasi yang lebih canggih, iaitu telefon selular.

Rangkap 4

Telefon selular mempunyai pelbagai fungsi kepada manusia, iaitu sebagai alat berkomunikasi, menghantar pesanan ringkas, memperoleh maklumat, mampu memperlihatkan wajah orang tersayang dari jauh dan menangkap gambar.

Rangkap 5

Ciptaan telefon selular yang canggih telah menyebabkan manusia dapat berkomunikasi dengan orang lain dari jarak yang lebih jauh lagi.

Unsur Pengajaran

1. Kita perlu menghargai ciptaan barangan yang terbaharu.
2. Kita hendaklah memanfaatkan alat komunikasi sebaik-baiknya.

Soalan Kefahaman

1. Apakah maksud perkataan 'terunggul' yang terdapat dalam rangkap pertama?
   A . tertua
   B . termasyhur
   C . termegah
   D . ternama

2. Bagaimanakah perhubungan masyarakat di dunia ini setelah telefon dicipta?
   A . wujudnya jurang generasi
   B . menjalin perpaduan masyarakat setempat
   C . perhubungan sesama manusia semakin erat
   D . menjarakkan silatulrahim masyarakat sedunia

3. Yang mana satukah **bukan** kepentingan telefon selular?
   A . mencuri maklumat sulit
   B . memperoleh maklumat
   C . memudahkan komunikasi
   D . menghantar mesej ringkas

4. Apakah sikap yang perlu diamalkan untuk meningkatkan kemajuan bidang komunikasi?
   A . inovatif
   B . konservatif
   C . tabah
   D . sombong

5. Mengapakah jarak komunikasi dunia kini semakin mengecil?
   A . kemajuan teknologi menyebabkan kawasan penempatan semakin kurang
   B . dunia sudah bersaiz kecil kerana berlakunya pencemaran alam sekitar
   C . teknologi canggih yang dicipta itu telah memudahkan komunikasi
   D . peperangan dunia berlaku kerana penciptaan senjata nuklear

UNIT 4: PROAKTIF








MEMBACA DAN MEMAHAMI

Ucapan Sambutan Hari Guru


Salam sejahtera saya ucapkan kepada para guru dan pelajar sekalian. Bersempena dengan sambutan yang penuh bermakna ini, saya mengambil kesempatan untuk mengalungkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang telah banyak menabur bakti demi mencapai matlamat pendidikan di sekolah ini. Semoga melalui sambutan ini, kesedaran atas penghargaan terhadap jasa guru akan meningkat dalam kalangan pelajar. Sesungguhnya kejayaan dalam pendidikan tidak dapat dicapai tanpa **penglibatan**[1] guru mahupun pelajar itu sendiri secara aktif.



Dalam sistem pembelajaran lama, proses pengajaran dan pembelajaran lebih **tertumpu**[2] kepada guru (*teacher centered*). Gurulah yang membuat segala penerangan dan pelajar hanya duduk mendengar. Kaedah pembelajaran **sehala**[3] ini didapati bukan sahaja kurang memberikan kesan yang mendalam kepada pelajar, malah cepat menimbulkan kebosanan. Melalui kaedah ini, aktiviti yang membina daya **kognitif**[4], **afektif**[5] mahupun kreativiti para pelajar tidak digalakkan. Lantaran



1. **penglibatan:**
   penyertaan
   参与
2. **tertumpu:**
   berpusat
   居中
3. **sehala:**
   satu arah
   单向
4. **kognitif:**
   segala yang berkaitan dengan proses mental
   认知的
5. **afektif:**
   yang berkaitan dengan perasaan atau emosi (bukannya kognitif)
   情绪方面的



Kosa Kata



itulah, Kementerian Pendidikan telah menggalakkan pengajaran yang berbentuk dua hala dan lebih berfokus kepada pelajar (*students centered*). Kaedah pembelajaran ini memberikan ruang yang lebih kepada pelajar untuk bergiat secara aktif dalam pengumpulan maklumat, bertukar-tukar pandangan, mengemukakan **kemusykilan**[6] dan seterusnya mencari jalan penyelesaian bersama-sama.

Para hadirin yang dihormati,

Pembelajaran secara proaktif ini mampu melahirkan generasi yang lebih **berinovatif**[7], berkeyakinan, lebih praktikal dan kreatif. Hal ini disebabkan mereka sentiasa dilatih untuk turut serta dalam pencarian ilmu, membahaskan sesuatu isu, dan menyelesaikan masalah. Pembelajaran proaktif ini secara tidak langsung dapat memupuk nilai kerjasama, bertoleransi dan bertimbang rasa dalam kalangan pelajar dan guru. Situasi pembelajaran ini dapat melahirkan suasana pembelajaran yang lebih inovatif dan **menyeluruh**[8].

6. **kemusykilan:** pertanyaan / persoalan/ keraguan 疑问

7. **berinovatif:** bersifat inovasi atau perihal membina sesuatu yang baharu 创新的

8. **menyeluruh:** meliputi segala aspek 全面的

9. **dirombak:** dipinda 调整

Kosa Kata

Disebabkan perubahan dalam dunia teknologi terutamanya teknologi maklumat, sistem pendidikan juga perlu **dirombak**[9] agar mampu memenuhi perkembangan semasa.



Pada zaman ledakan maklumat ini, pembelajaran secara proaktif dapat mengarahkan pelajar ke arah pencarian ilmu secara kendiri. Pelajar tidak semata-mata terikat kepada maklumat-maklumat yang diperoleh daripada buku teks. Proses pembelajaran tidak terkongkong di dalam kelas berdinding empat segi lagi. Mereka boleh memanfaatkan media cetak dan media elektronik dengan syarat mereka pandai membawa diri. Pembelajaran secara proaktif ini perlu ditunjangkan dengan disiplin diri yang utuh kerana tanpa kawalan diri yang mantap, seseorang mudah terpesong daripada landasan pencarian ilmu yang sewajarnya.

Pendengar yang budiman,

Saya ingin menyeru para pelajar supaya lebih proaktif dan bekerjasama dengan guru agar kedua-dua pihak saling bergerak aktif ke arah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah seperti komputer perlu dimanfaatkan oleh pelajar dan jangan dijadikan sumber hiburan semata-mata. Setiap pelajar harus bermotivasi untuk meningkatkan kebolehan diri agar menjadi orang yang berguna kelak. Sebelum saya berundur diri, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

Ilmu yang dituntut banyak kebaikan,
amalan yang baik jangan dibuang;
pembelajaran proaktif perlu diamalkan,
untuk melahirkan pelajar cemerlang.

Selamat Hari Guru dan sekian, terima kasih.







KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Bilakah ucapan tersebut disampaikan?
   A . majlis sambutan Hari Guru
   B . majlis makan malam bersama guru
   C . majlis perpisahan dengan guru kanan
   D . majlis sambutan Hari Penyampaian Hadiah

2. Apakah perkara yang perlu dilakukan oleh para pelajar pada zaman ledakan teknologi maklumat ini?
   A . mendapat maklumat daripada para guru semata-mata
   B . mengehad bahan bacaan kepada bahan cetak sahaja
   C . mengambil inisiatif untuk mendapat maklumat yang relevan
   D . menyempitkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja

3. Mengapakah pembelajaran secara proaktif perlu ditunjangkan dengan disiplin diri yang utuh pada zaman ledakan teknologi maklumat ini?
   A . pelajar dapat menghindari memperoleh maklumat negatif
   B . pelajar tidak berani banyak mengemukakan pertanyaan
   C . pelajar mendapat kebebasan yang sepenuhnya
   D . pelajar tidak memerlukan kawalan guru lagi

4. Antara pernyataan berikut yang manakah **bukan** harapan pengetua?
   A . Para pelajar menghargai sumbangan para pendidik.
   B . Para guru akan terus menabur bakti dalam dunia pendidikan.
   C . Para pelajar perlu menerima apa sahaja yang diajar tanpa mempersoalkannya.
   D . Para guru mesti memberi ruang kepada pelajar untuk belajar secara kendiri.



5. Apakah slogan yang paling sesuai dikaitkan dengan perenggan penutup ucapan tersebut?
   A . Malaysia Boleh
   B . Negara Cemerlang, Gemilang dan Terbilang
   C . Celik Teknologi Maklumat
   D . Keranamu Malaysia

B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Nyatakan kelemahan-kelemahan sistem pengajaran yang lama.

2. Apakah kelebihan pembelajaran secara proaktif?

3. Mengapakah pembelajaran proaktif dikatakan lebih berkesan?

4. Apakah sikap-sikap positif yang boleh dipupuk melalui pembelajaran proaktif?

5. Andaikan anda ialah seorang pendidik, apakah aktiviti yang perlu anda adakan untuk meningkatkan penglibatan pelajar?






Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

proaktif	: pro + ak + tif	menabur	: me + na + bur
kreativiti	: krea + ti + vi + ti	menggalakkan	: meng + ga + lak + kan
berfokus	: ber + fo + kus	kemusykilan	: ke + musy + ki + lan
dirombak	: di + rom + bak	mengarahkan	: me + nga + rah + kan
menyempitkan	: me + nyem + pit + kan	terpesong	: ter + pe + song




1. Pelajar pasti terlibat secara aktif dalam pelbagai kegiatan kokurikulum sekolah. Secara berkumpulan bincangkan masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan. Kemudian bentangkan hasil perbincangan tersebut. Pelajar-pelajar yang lain diminta memberikan cadangan cara penyelesaian masalah tersebut.

2. Dengar rakaman lagu 'Fikirkan Boleh'. Catatkan nilai-nilai positif yang tersirat dalam lagu tersebut, kemudian bentangkan.







MENULIS

1. Karangan Jenis Ucapan

Hari Guru sering disambut dengan penuh bermakna dalam kalangan pelajar dan pendidik pada setiap tahun. Sambutan Hari Guru ini biasanya diwarnai dengan pelbagai agenda persembahan daripada pelajar dan guru. Namun begitu, tanpa agenda pemberian ucapan sama ada daripada pengetua atau daripada ketua pengawas sambutan Hari Guru ini dikatakan tidak lengkap.

Sebagai ketua pengawas sekolah, anda dikehendaki memberikan ucapan bersempena dengan sambutan Hari Guru. Tulis teks ucapan anda selengkapnya. Panjang teks ucapan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

2. Bina Ayat

Pilih mana-mana lima frasa berikut dan bina satu ayat yang lengkap untuk setiap frasa tersebut.

- memupuk nilai-nilai murni
- mengambil inisiatif
- ditanam sikap positif
- mengambil langkah inovatif
- bersikap proaktif
- mengutamakan kreativiti
- berpandangan jauh
- mengikis sifat pesimis
- bergiat aktif
- mencapai wawasan





1. Kata Ganda Separa

Kata Ganda Separa melibatkan penggandaan sebahagian Kata Dasar. Kata Ganda Separa boleh dibahagi kepada dua iaitu;

A. Pembentukan Kata Ganda Separa Kata Nama Tunggal

Kata Dasar	Suku Kata Pertama + Kata Dasar	Kata Ganda Separa
laki	la + laki	lelaki
pohon	po + pohon	pepohon
langit	la + langit	lelangit
kuda	ku + kuda	kekuda
cair	ca + cair	cecair
jentik	je + jentik	jejentik

B. Pembentukan Kata Ganda Separa Kata Nama Berimbuhan

Penggandaan separa jenis ini melibatkan pengulangan Kata Dasar. Hanya terdapat perkataan yang menerima Imbuhan Akhiran –an yang mengalami penggandaan jenis ini.

Kata Dasar	Kata Ganda
sayur	sayur-sayuran
bunga	bunga-bungaan
orang	orang-orangan
biji	biji-bijian
rumah	rumah-rumahan
bayang	bayang-bayangan



Peringatan!

1. Kata Ganda Separa yang sudah membawa maksud jamak tidak perlu digandakan.

Contoh:

Salah	Betul
pepohon-pepohon	pepohon

2. Kata Ganda Separa yang sudah membawa maksud jamak juga tidak perlu disertai Kata Bilangan.

Contoh:

Salah	Betul
ratusan pepohon	pepohon

LATIHAN

Bentukkan Kata Ganda Separa daripada perkataan-perkataan yang diberikan, kemudian isikan tempat kosong dengan Kata Ganda Separa yang sesuai.

labu	jari	kisi	siku
laki	jentik	bola	langit
mati	pohon	jadi	labah
	tumbuh	habis	kenang

1. ____________ budak itu sakit kerana ketulangan.



2. Mereka berjuang ________________________ untuk mempertahankan negara.

3. Kawasan sekolah saya dikelilingi __________________ rendang.

4. Bunga yang digubah oleh emak itu ialah bunga ______ ____________.

5. Di kaki bukit itu terdapat __________________ liar.

6. Hassan menggunakan ___________ untuk melukis garis lurus.

7. Air yang bertakung boleh menyebabkan pembiakan ______________.

8. Bengkel kereta yang terbiar itu dipenuhi sarang ______ ____________.



9. Kumar sedang mencuci __________________ roda basikalnya di halaman rumah.

10. _______________ ikan yang dijual di gerai Pak Jamal itu sedap rasanya.

11. Dia berbelanja _________________ untuk menyambut kedatangan tahun baharu.

12 ____________ yang dibeli oleh Puan Sakinah dari Sarawak itu halus buatannya.

13. Encik Wong bercadang memasang __________________ pada tingkap dan pintu rumah sewanya.

14. Peristiwa manis yang berlaku itu menjadi _____________ keluarga Encik Yusoff.

15. Pelajar _________________ dan pelajar perempuan di kolej itu tidak dibenarkan mewarnakan rambut mereka.

2. Ayat Nafi

Ayat Nafi ialah ayat yang mengandungi Kata Nafi **bukan** dan **tidak**.

Ayat Nafi

Bukan

menjadi unsur nafi Frasa Nama dan Frasa Sendi Nama

Contoh:
1. Itu **bukan** pen saya.
2. Komuter itu **bukan** dari Sentul.

Tidak

menjadi unsur nafi Frasa Kerja dan Frasa Adjektif

Contoh:
1. Sue Leng **tidak** membeli baju itu kerana terlalu mahal.
2. Kenyataan yang diberi oleh penjenayah itu didapati **tidak** benar sama sekali.

Pengecualian

Kata Nafi **bukan** mesti hadir sebelum Frasa Kerja dan Frasa Adjektif jika kedua-dua frasa itu membawa maksud pertentangan maklumat. Biasanya terdapat perkataan '**tetapi**'.

Contoh:

1. Serina **bukan** kaya tetapi bersikap pemurah.
2. Kata-katanya **bukan** menghina tetapi sekadar menginsafkan kita.

LATIHAN

Lengkapkan Ayat Nafi di bawah dengan penggunaan Kata Nafi yang betul.

1. William __________ dapat menyertai ekspedisi kembara itu kerana dia jatuh sakit.

2. Buah-buahan di dalam raga itu __________ untuk dijual.

3. Mei Ling __________ pandai tetapi rajin mengulang kaji pelajaran.

4. Tikar itu __________ saya anyam.

5. Perkataan yang ditulis pada dinding itu __________ jelas.

6. Ganesh __________ mahu pergi ke tempat itu tetapi dipaksa oleh pak ciknya.

7. Cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara __________ tercapai kerana bapanya diserang penyakit jantung.

8. Ubat itu __________ boleh digunakan lagi kerana sudah berbuih.

9. Penjenayah itu masih __________ mengakui kesalahannya walaupun dihujani soalan bertubi-tubi.

10. Walaupun __________ dia yang melakukan perkara itu tetapi dia dituduh terbabit sama.





1. Permainan Bahasa - Membisikkan Pesanan

Melalui permainan bahasa 'Membisikkan Pesanan', pelajar akan dapat memperkukuh kemahiran mendengar dan bertutur mereka. Secara tidak langsung, nilai bekerjasama dalam kumpulan juga dapat dipupuk.

Cara bermain:



- **Langkah Pertama**

  Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan. Kumpulan tersebut boleh diatur dalam barisan panjang atau bulatan.

- **Langkah Kedua**

  Guru memberikan penerangan cara bermain.

- **Langkah Ketiga**

  Guru mengedarkan kad pesanan kepada pelajar pertama setiap kumpulan. Pelajar pertama itu dikehendaki membaca pesanan yang tercatat pada kad pesanan tersebut secara senyap. Pelajar pertama tidak boleh mengedarkan atau menunjukkan kad pesanan itu kepada pelajar-pelajar lain.

Contoh Kad Pesanan:

> Tolong serahkan sebatang pembaris pendek, dua batang pen merah, sebatang pen biru dan sebatang pen hitam kepada guru. Pen-pen itu perlu dimasukkan ke dalam sampul surat yang berwarna coklat. Serahkannya sebelum masa rehat pertama.

- **Langkah Keempat**

  Guru meminta pelajar pertama membisikkan pesanan itu kepada pelajar kedua. Pelajar kedua pula membisikkan pesanan tersebut kepada pelajar yang seterusnya sehinggalah kepada pelajar terakhir.

- **Langkah Kelima**

  Pelajar terakhir perlu mencatatkan pesanan yang disampaikan itu pada sehelai kertas.

- **Langkah Keenam**

  Pelajar terakhir daripada setiap kumpulan membaca pesanan masing-masing dengan kuat.


- **Langkah Ketujuh**

  Pengumuman pemenang. Kumpulan yang berjaya memberikan pesanan yang paling tepat dan lengkap seperti yang tertulis dalam kad pesanan dikira sebagai pemenang.

2. Merumuskan Carta Aliran

Kaji carta aliran di bawah dengan teliti. Kemudian, buat suatu rumusan berhubung dengan riwayat hidup penyu. Panjang rumusan anda hendaklah tidak lebih daripada 120 patah perkataan.

Kitaran Hidup Penyu







BAHAGIAN SASTERA

Dengar dan baca syair di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Syair Buat Guruku

Dalam **kegelapan**[1] kaujalan kebenaran,
dalam **kejahilan**[2] kaupupuk keilmuan,
Dalam kesilapan kautunjuk pembetulan,
dalam kegagalan kautanam kejayaan.

Sifat penyayang tanda keperibadian,
sifat tabah penuh kesabaran,
Sifat **dedikasi**[3] penuh ketekunan,
sifat tegas penuh keadilan.

Hari ini kuucapkan kesyukuran,
hari ini ku**luahkan**[4] penghargaan,
hari ini bunga kusematkan,
hari ini Selamat Hari Guru, kuucapkan.

(Lydia Chong)



Kamus Kaki

1. **kegelapan:** kesulitan 黑暗
2. **kejahilan:** kebodohan 无知
3. **dedikasi:** pengorbanan 奉献
4. **luahkan:** ucapkan 说出



Maksud Syair

Rangkap 1

Apabila seseorang pelajar tidak jelas akan arah hidupnya, guru akan menunjukkan jalan yang betul. Sekiranya seseorang pelajar itu tidak faham akan sesuatu perkara, guru mereka akan memberikan ilmu. Seandainya pelajar melakukan kesilapan atau kesalahan, guru akan membuat teguran dan memberikan nasihat yang sewajarnya. Kalau pelajar gagal dalam pelajaran, guru akan sentiasa memberikan semangat untuk meneruskan perjuangan ke arah kejayaan.

Rangkap 2

Sebagai pendidik, guru memperlihatkan sifat penuh kasih sayang. Walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran, mereka tetap menunjukkan kecekalan dan kesabaran dalam menempuhi rintangan yang dihadapi. Guru juga perlu ada sikap bertanggungjawab dan komited dalam menjalankan tugas. Walaupun mereka sentiasa menunjukkan sifat penyayang, mereka perlu menunjukkan ketegasan dan segala tindakan yang diambil adalah berdasarkan prinsip adil dan saksama.

Rangkap 3

Pada Hari Guru, penyair (pelajar) mengucapkan rasa kesyukuran atas jasa yang disumbangkan oleh guru kepadanya. Penyair menghadiahkan sekuntum bunga kepada gurunya semasa sambutan Hari Guru sebagai tanda ucapan terima kasih.

Unsur Pengajaran

1. Kita perlu mengenang jasa guru kita.
2. Kita harus menghormati guru kita.
3. Kita mesti mematuhi nasihat-nasihat yang diberikan oleh guru kita.

Soalan Kefahaman

1. Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada rangkap pertama Syair Buat Guruku?
   A . Unsur negatif dalam diri penyair dibiarkan oleh gurunya.
   B . Unsur negatif dalam diri penyair dinafikan oleh gurunya.
   C . Unsur negatif dalam diri penyair dibetulkan oleh gurunya.
   D . Unsur positif dalam diri penyair diabaikan oleh gurunya.

2. Antara berikut yang manakah **bukan** sifat keperibadian yang perlu ada pada seseorang guru?
   A . tegas
   B . kejam
   C . rasional
   D . penyayang

3. Apakah tindakan yang bermakna semasa sambutan hari guru?
   A . memberikan bunga ros kepada guru
   B . memberikan hadiah yang mewah kepada guru
   C . memberikan ucapan penghargaan kepada guru
   D . memberikan persembahan yang menarik kepada guru

4. Mengapakah seseorang guru sering diumpamakan sebatang lilin yang membakar diri?
   A . Guru perlu membawa alat bantu mengajar seperti lilin untuk membuat pengajarannya lebih menarik.
   B . Guru perlu mengorbankan masa dan tenaganya untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajarnya.
   C . Guru sentiasa bertungkus lumus mendisiplinkan pelajar yang menghadapi masalah dalam pelajaran.
   D . Guru di kawasan pedalaman perlu memasang lilin untuk mencerahkan bilik darjah.

5. Apakah ciri sebuah syair?
   A . mempunyai rima aaaa
   B . mempunyai rima abab
   C . mempunyai unsur sindiran
   D . mempunyai unsur jenaka

CATATAN

UNIT 5:
PERDANA MENTERI KITA





MEMBACA DAN MEMAHAMI

Perdana Menteri Kita



Nostalgia[1] pada 31 Ogos 1957 amat bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia. Tarikh itu juga begitu sinonim dengan Tunku Abdul Rahman yang merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Laungan 'Merdeka! Merdeka! Merdeka!' yang dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman selepas penurunan bendera Union Jack, sentiasa tersemat[2] dalam hati semua rakyat di Malaysia. Usaha gigih Tunku Abdul Rahman untuk memerdekakan negara kita daripada cengkaman[3] penjajah Inggeris menyebabkan beliau digelar[4] Bapa Kemerdekaan.



Selepas negara mencapai kemerdekaan, usaha-usaha telah ditumpukan kepada pembangunan negara. Atas kesedaran inilah, Tun Abdul Razak yang merupakan Perdana Menteri kita yang kedua telah memperlihatkan keiltizaman[5] beliau dalam membangunkan negara kita, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Kesungguhan beliau untuk membangunkan negara

Kosa Kata

1. **nostalgia:** kerinduan pada sesuatu yang pernah dialami 怀旧
2. **tersemat:** tersimpan dalam hati 铭记
3. **cengkaman:** belenggu 束缚
4. **digelar:** dipanggil 被称为
5. **keiltizaman:** keterlibatan secara bersungguh-sungguh dan penuh bertanggungjawab 投入

melalui **polisi**[6] Dasar Ekonomi Baru telah menyebabkan beliau digelar Bapa Pembangunan.



Tun Hussein Onn atau dikenali sebagai Bapa Perpaduan merupakan Perdana Menteri kita yang ketiga. Pemberian gelaran sebagai Bapa Perpaduan kepada beliau begitu tepat memandangkan beliau amat mementingkan aspek perpaduan kaum dalam pentadbiran beliau. Beliau menyedari bahawa sesebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk perlu mengutamakan aspek perpaduan sebagai **landasan**[7] kepada semua pembangunan negara. Harapan beliau ialah semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum bersama-sama **menyumbangkan**[8] tenaga kepada pembangunan negara. Dengan adanya perpaduan, segala hasil negara dapat dikecap dalam keadaan yang harmoni.

6. **polisi:**
rancangan yang telah dipersetujui secara rasmi
政策

7. **landasan:**
dasar
原则

8. **menyumbangkan:**
turut membantu atau menyokong
贡献

Kosa Kata



Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Perdana Menteri kita yang keempat. Sepanjang **karier**[9] beliau sebagai ketua pentadbir negara, perubahan demi perubahan yang drastik telah dilakukan oleh beliau. Semasa pimpinan beliau, negara kita telah berkembang pesat seiring dengan arus globalisasi dunia. Pelbagai rintangan yang dihadapi tidak mematahkan hasrat beliau untuk melihat negara Malaysia dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Pelbagai projek gergasi seperti projek pengeluaran kereta nasional yang pertama, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, pewujudan Koridor Raya Multimedia di Putrajaya, dan pembinaan Menara Berkembar Petronas Kuala Lumpur dan banyak lagi. **Reformasi-reformasi**[10] yang ditekankan dalam pembangunan negara telah meletakkan beliau sebagai Bapa Pemodenan.

9. karier:
kerjaya
事业


10. reformasi-reformasi:
pembaharuan-pembaharuan
改革

Kosa Kata



Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengambil alih jawatan Perdana Menteri setelah pengunduran Tun Dr. Mahathir pada tahun 2003. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang merupakan Perdana Menteri kita yang kelima lebih mesra dengan panggilan 'Pak Lah' dalam kalangan tokoh negara mahupun rakyat jelata. Beliau yang merupakan anak kelahiran Pulau Pinang ini memiliki keperibadian seorang tokoh yang mementingkan keluarga dan mengutamakan nilai-

nilai murni dalam agama. Pada permulaan tampuk kepimpinan, beliau giat melancarkan kempen antirasuah terutama yang berkaitan dengan politik wang. Beliau mahu ahli-ahli politik bawah pimpinan beliau bersih daripada amalan rasuah dan bersama-sama turun padang untuk lebih memahami masalah serta keperluan rakyat. Keikhlasan beliau dalam melaksanakan tanggungjawab memenuhi amanat rakyat telah menyebabkan beliau bukan sahaja menjadi pemimpin negara yang disegani malah disayangi rakyat.



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Siapakah Perdana Menteri kita yang kedua?
   - A . Tun Hussein Onn
   - B . Tun Dr. Mahathir Mohamad
   - C . Tun Abdul Razak
   - D . Tunku Abdul Rahman

2. Apakah aspek yang menjadi landasan dalam pentadbiran Perdana Menteri kita yang ketiga?
   - A . kebebasan daripada penjajah
   - B . pembangunan desa
   - C . pembasmian amalan rasuah
   - D . perpaduan antara rakyat

3. Apakah gelaran yang diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad?
   - A . Bapa Pembangunan
   - B . Bapa Pemodenan
   - C . Bapa Pembaharuan
   - D . Bapa Perpaduan

4. Antara berikut yang manakah **bukan** projek-projek gergasi semasa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad?
   - A . Menara Berkembar Petronas
   - B . Menara Kuala Lumpur
   - C . Lapangan Terbang Subang
   - D . Litar Formula 1 Sepang

5. Antara berikut yang manakah merupakan urutan dasar pemerintahan Perdana Menteri?
   A . pembangunan → perpaduan → pemodenan → pemurnian
   B . perpaduan → pembangunan → pemodenan → pemurnian
   C . pemurnian → pemodenan → perpaduan → pembangunan
   D . pembangunan → pemodenan → perpaduan → pemodenan

B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Apakah detik bersejarah yang dikaitkan dengan Tunku Abdul Rahman?
2. Apakah harapan Bapa Perpaduan kita?
3. Mengapakah Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi gelaran Bapa Pemodenan?
4. Apakah gelaran mesra bagi Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi?
5. Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri yang harus ada pada seseorang pemimpin negara?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

penurunan	: pe + nu + ru + nan	memerdekakan	: me + mer + de + ka + kan
keiltizaman	: ke + il + ti + za + man	mengira	: me + ngi + ra
menyumbang	: me + nyum + bang	pengunduran	: pe + ngun + du + ran
mesra	: mes + ra	keperibadian	: ke + pe + ri + ba + dian
tampuk	: tam + puk	amanat	: a + ma + nat





1. Mencari Maklumat

Melalui pembacaan petikan 'Perdana Menteri Kita', pelajar sudah mengetahui sumbangan Perdana Menteri kita secara umum. Melalui aktiviti kumpulan, pelajar diminta untuk mencari maklumat lain tentang sumbangan bekas-bekas Perdana Menteri kita. Maklumat-maklumat yang dicari boleh dibahagikan kepada tiga aspek.

Tokoh	Politik	Ekonomi	Sosial
Allahyarham Tunku Abdul Rahman			
Allahyarham Tun Abdul Razak			
Allahyarham Tun Hussein Onn			
Tun Dr. Mahathir Mohamad			

2. Nilai-nilai Murni

Dengar rakaman Lagu Setia kemudian bincangkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu tersebut.

Setia

Demi negara yang tercinta,
dicurahkan bakti penuh setia,
demi raja yang disanjung tinggi,
kesetiaan tak berbelah bagi.

Kepada pemimpin kepada rakyat,
khidmat diberi penuh taat,
sama bekerja sama berusaha,
setia berkhidmat untuk semua.

Rela berkorban apa saja,
amanah bangsa tetap dijaga,
kami berikrar penuh setia,
untuk agama, bangsa, dan negara.






MENULIS

1. Karangan Jenis Perbahasan

Tuliskan sebuah karangan jenis perbahasan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan berdasarkan peta minda.


Anda merupakan salah seorang pembangkang dalam satu pertandingan bahas. Tajuk perbahasan tersebut ialah 'Penggunaan Telefon Bimbit dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Lebih Mendatangkan Kebaikan daripada Keburukan'.






2. Peribahasa

Baca dan fahami peribahasa di bawah.

Peribahasa	Maksud	Contoh Ayat
budak mentah 	• belum matang	Melayari laman web tanpa kawalan dikatakan boleh memudaratkan remaja yang masih dianggap sebagai **budak mentah**.
hisap darah	• memeras orang dengan mengenakan bunga wang yang banyak 	Polis Diraja Malaysia mengadakan operasi membanteras kegiatan-kegiatan ceti haram yang dikatakan **hisap darah** peniaga-peniaga kecil.
belukang darat 	• lelaki yang bermata keranjang	Para pekerja wanita di pejabat itu tidak bertegur sapa dengan lelaki itu kerana dia **belukang darat**.



mandi peluh 	basah oleh peluh	Pelari maraton itu kelihatan **mandi peluh** semasa melepasi garis penamat.
balur liat	pemalas 	Zaki yang dikatakan **balur liat** itu hanya bangun setelah matahari tegak di atas kepala.
perah otak 	berfikir dengan bersungguh-sungguh	Pelajar-pelajar di dewan peperiksaan itu sedang **perah otak** untuk menjawab soalan Matematik.

LATIHAN

Bina satu ayat untuk setiap peribahasa yang baru dipelajari.



1. Kata Ganda Separa Berimbuhan

Kata Ganda Separa Berimbuhan merujuk kepada perkataan-perkataan yang telah melalui proses penggandaan dan pengimbuhanan.

Kata Dasar	Penggandaan	Contoh Ayat
lambai	melambai-lambai	Azura **melambai-lambai** dengan sapu tangannya yang cantik itu.
kelip	terkelip-kelip	Mata Julia **terkelip-kelip** apabila terkena pancaran cahaya lampu kereta itu.
angan	berangan-angan	Shu Xian **berangan-angan** mendapat kerja di kota.
kutuk	mengutuk-ngutuk	Perbuatan Mak Milah yang suka **mengutuk-ngutuk** jirannya telah menyebabkan jiran-jiran semakin menjauhinya.
gila	tergila-gila	Remaja sekarang banyak yang **tergila-gila** disko.
salam	bersalam-salaman	Dua kumpulan itu **bersalam-salaman** untuk melegakan suasana tegang antara mereka.
maaf	bermaaf-maafan	Rose mengesat air matanya setelah **bermaaf-maafan** dengan Jamilah.

LATIHAN

Gariskan Kata Ganda Separa Berimbuhan bersesuaian dengan konteks ayat yang diberikan.

1. Lelaki yang baru keluar dari pub itu berjalan (terhuyung-huyung, tergoyang-goyang) kerana mabuk.

2. Kontijen sukan olahraga (melambai-lambaikan, mengibas-ngibaskan) tangan semasa memasuki stadium itu.

3. Perahu Pak Leman kelihatan (terapung-apung, terungkap-ungkap) semasa dipukul ombak.

4. Artis rancangan realiti itu diserbu peminat-peminat yang (bersorak-sorak, tergila-gila) dengan keayuan wajahnya.

5. Kipas-kipas elektrik di pejabat itu masih (berputar-putar, berkisar-kisar) walaupun tiada seorang kakitangan berada di situ.

6. Penonton-penonton di pawagam ketawa (terbahak-bahak, terbatuk-batuk) apabila melihat gelagat Mr. Bean yang melucukan.

7. Mak Cik Leha (menggaru-garu, mengurut-urut) kakinya yang terasa sengal-sengal.

8. Wakil rakyat itu (bersahut-sahutan, bersalam-salaman) dengan penduduk kampung yang mengalu-alukan kedatangan beliau.

9. Karanjit Kaur (bermati-matian, berhempas-hempas) membidas hujah-hujah ketua pembangkang itu.

10. Para pembeli kelihatan (berasak-asakan, beria-ia) di pusat beli-belah yang sedang mengadakan jualan mega sempena ulang tahun yang ke-10.

2. Kesalahan Umum Ayat: Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Pelajar-pelajar sudah pun mempelajari Ayat Aktif dan Ayat Pasif dalam unit-unit yang lepas. Terdapat beberapa kesalahan umum yang sering dilakukan oleh pelajar semasa menggunakan Ayat Aktif dan Ayat Pasif. Kesalahan ini perlu dielakkan agar pelajar dapat membentuk ayat yang gramatis.

Jenis Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
menggunakan imbuhan 'di' dalam Ayat Aktif	Puan Kong sudah **disiapkan** laporan minit mesyuarat itu.	Puan Kong sudah **menyiapkan** laporan minit mesyuarat itu.

Peringatan!
Penggunaan Imbuhan Awalan meN- dalam Ayat Aktif tidak boleh disamakan dengan Imbuhan Awalan di- yang digunakan dalam Ayat Pasif.

Kesalahan Umum Ayat

B. Kesalahan Umum dalam Penggunaan Ayat Pasif

Jenis Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
tidak menggugurkan imbuhan meN- bagi Ayat Pasif Orang Pertama dan Kedua	- Hadiah itu saya **membeli**. - Kuali itu perlu kamu **mencuci**.	➢ Hadiah itu saya **beli**. ➢ Kuali itu perlu kamu **cuci**.
menggunakan imbuhan di- dan Kata Sendi 'oleh' dalam Ayat Pasif Orang Pertama dan Kedua	- Hadiah itu **dibeli oleh saya**. - Kuali itu perlu **dicuci oleh kamu**.	➢ Hadiah itu **saya beli**. ➢ Kuali itu perlu **kamu cuci**.
kedudukan Kata Bantu yang salah dalam struktur Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua	- Meja itu **saya sudah lap**. - Kuali itu **kamu perlu cuci**.	➢ Meja itu **sudah saya lap**. ➢ Kuali itu **perlu kamu cuci**.

Kesalahan Umum Ayat

Peringatan!

1. Dalam Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua, Imbuhan Awalan meN- perlu digugurkan.
2. Dalam Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua tidak boleh menggunakan Imbuhan Awalam di- dan Kata Sendi 'oleh'. Imbuhan Awalan di- hanya digunakan dalam Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga.
3. Kata Bantu seperti **sudah**, **telah**, **akan**, **sedang**, **patut**, **harus**, tidak boleh diletakkan di antara Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua dengan Kata Kerja.

C. Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga

Jenis Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
tidak menggunakan imbuhan di-	- Projek itu sudah **mereka siapkan**.	- Projek itu sudah **disiapkan oleh mereka**.

Peringatan!
Pelajar tidak boleh menyamakan bentuk Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga dengan bentuk Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua.

Kesalahan Umum Ayat

LATIHAN

Betulkan kesalahan yang terdapat dalam Ayat Pasif di bawah.

1. Bihun goreng itu digoreng oleh saya pagi tadi.
2. Tempat kedua pertandingan melukis telah menyandang oleh Azlinawati.
3. Pen Parker itu saya telah simpan di dalam laci almari.
4. Guni-guni beras itu belum mereka punggah ke dalam lori.
5. Larangan membuang sampah di jeti itu tidak penduduk Seri Damai patuhi.
6. Pokok bunga kekwa itu perlu membajai sebulan sekali.
7. Warung Pak Kassim sering dikunjungi oleh kami.
8. Telefon awam di Kampung Kerian sering merosakkan oleh golongan remaja yang tidak bertanggungjawab.
9. Semua maklumat itu saya mesti failkan sebelum pukul 4.00 petang.
10. Lebihan penggunaan elektrik harus dielakkan oleh kita agar tidak berlaku pembaziran.

3. Penjodoh Bilangan

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
berkas	untuk benda yang diikat dalam bilangan yang banyak **contoh**: rotan, kayu, dan lidi	Pak Kasim membawa pulang beberapa **berkas** buluh untuk dijual.
genggam	untuk benda yang digenggam dalam tangan **contoh**: beras, pasir, dan tanah	Shima mengambil se**genggam** pasir untuk dibaling kepada adiknya.
papan	untuk benda yang berkeping-keping **contoh**: petai dan mercun	Sepuluh **papan** petai yang dijual di Pekan Kuala Nerang berharga sepuluh ringgit.
ruas	untuk benda yang beruas-ruas **contoh**: tebu, buluh, dan rotan	Beberapa **ruas** buluh telah dibeli oleh Johari untuk dibuat lemang.
tompok	1. untuk longgokan atau timbunan yang kecil **contoh**: rambutan dan langsat 2. untuk cecair yang bertompok **contoh**: darah, nila, dan dakwat	Baju putih Kong Hui menjadi kotor apabila terkena se**tompok** dakwat.
pintu	untuk bangunan yang berderet-deret **contoh**: rumah dan kedai	Encik Murugan mempunyai lima **pintu** rumah sewa yang terletak di belakang rumahnya.

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai dalam konteks ayat berikut.

1. Air minuman itu diambil daripada perahan beberapa ____________ tebu yang ditanam oleh Pak Cik Kadir sendiri.
2. Puan Ling membeli enam ____________ petai yang merupakan makanan kegemaran suaminya.
3. Se ____________ langsat di atas meja itu sudah kelihatan kehitam-hitaman.
4. Se ____________ rotan itu dijual dengan harga RM10.00.
5. Kutipan sewa daripada beberapa ____________ rumah teresnya di Bangsar sudah mencukupi untuk Puan Serina menyara perbelanjaan sekolah anak-anaknya.
6. Emak memasukkan dua ____________ beras ke dalam periuk untuk dijadikan bubur.
7. Beberapa ____________ warna hitam telah kelihatan pada bangunan yang berwarna putih itu.
8. Cikgu Harun memotong beberapa ____________ rotan untuk dijadikan peralatan melukis.
9. Pada Tahun Baharu Cina yang lalu, Kim Leng telah membakar sepuluh ____________ mercun.
10. kebelakangan ini, beberapa ____________ kedai runcit di pekan itu telah ditutup.
11. Emak mengambil dua ____________ beras untuk diberikan kepada ayam peliharaannya.
12. Sepuluh ____________ kayu api telah dibeli oleh Mak Cik Limah daripada orang asli.



Karangan Jenis Perbahasan

A. Karangan Jenis Perbahasan boleh dibahagikan kepada dua;

Karangan Perbahasan Biasa	Karangan Perbahasan Pertandingan
➢ tiada kata-kata aluan/panggilan (tiada audiens) ➢ tiada pihak pencadang / pembangkang	➢ perlu kata-kata aluan/panggilan (ada audiens) ➢ ada pihak pencadang / pembangkang

Dalam unit ini, hanya akan ditekankan format jenis karangan perbahasan pertandingan.

B. Ciri-ciri Karangan Perbahasan Jenis Pertandingan

Pendahuluan

- perlu dimulakan dengan kata-kata aluan kepada Pengerusi Majlis, para hakim, penjaga masa, pihak lawan, dan para tetamu
- nyatakan tajuk perbahasan
- berikan definisi tajuk sekiranya anda pencadang ataupun pembangkang pertama

Isi

- isi bergantung pada kehendak soalan
- sekiranya anda ialah pihak pencadang, ini bermakna isi-isi yang dikemukakan haruslah menyokong tajuk yang diberikan
- sekiranya anda ialah pihak pembangkang, ini bermakna isi-isi yang dikemukakan mestilah menentang tajuk yang diberikan
- anda mesti menegaskan pendirian anda
- karangan perbahasan tidak sama dengan karangan jenis perbincangan
- untuk mendapat markah yang baik, anda perlu membidas hujah pihak lawan selain memberikan hujah sendiri

Penutup

- tegaskan sekali lagi pendirian anda
- ucapan terima kasih

C. Contoh Karangan Perbahasan Jenis Pertandingan

Anda mewakili sekolah anda dalam pertandingan perbahasan antara sekolah peringkat daerah. Tajuk perbahasan anda ialah 'Negara Malaysia Lebih Sesuai Menjadi Negara Perindustrian Daripada Negara Pertanian'. Sebagai pihak pembangkang, tuliskan hujah-hujah anda selengkapnya.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang adil lagi bijaksana, penjaga masa yang setia dengan waktunya, pihak pencadang, dan para hadirin salam sejahtera saya ucapkan. 'Negara Malaysia Lebih Sesuai Menjadi Negara Perindustrian Daripada Negara Pertanian'. Begitulah bunyi tajuk perbahasan kita.

Sebelum saya meneruskan hujah-hujah bernas saya, izinkan saya mendefinisikan tajuk perbahasan pada hari ini. Malaysia ialah tanah air kita, negara perindustrian ialah negara yang mengutamakan bidang perkilangan, pemprosesan atau pembuatan manakala negara pertanian dirujuk kepada negara yang mengkhusus kepada aktiviti-aktiviti bercucuk tanam, bertani, berladang mahupun menternak. Saya sebagai pihak pembangkang pertama ingin menegaskan bahawa sesungguhnya negara kita Malaysia

wajar kekal sebagai negara pertanian dan bukannya negara perindustrian. Apakah kewajaran saya berkata sedemikian?

Hujah saya yang pertama berkisar pada kata kunci 'sumber atau bahan asas'. Kita sedia maklum bahawa tanpa adanya sumber-sumber pertanian yang menjadi asas perindustrian, negara-negara perindustrian tidak mampu bertahan. Jika negara kita menjadi negara perindustrian, kita sendiri terpaksa mengimport bahan-bahan asas ini dari negara lain. Hal ini seterusnya menyebabkan kos pengeluaran turut meningkat. Jika negara kita kekal sebagai negara pertanian, sudah pasti kita tidak perlu bergantung pada pengimportan bekalan pertanian ini dari negara luar. Kita bukan sahaja mampu menampung permintaan rakyat negara kita sendiri malah dapat mengeksportnya kepada negara perindustrian lain.

Hadirin yang dihormati,

Pihak pencadang pertama ada mengatakan bahawa jika negara kita menjadi negara pertanian, kita akan menghadapi masalah ekonomi yang tidak stabil. Hal ini disebabkan aktiviti pertanian sangat bergantung pada keadaan iklim atau cuaca sesuatu tempat. Saya membidas sekeras-kerasnya hujah ini. Tidakkah saudari pencadang sedar bahawa pada masa kini, terdapat perkembangan dalam teknologi pertanian? Petani-petani tidak terlalu terikat kepada perubahan cuaca lagi. Teknik hidroponik telah membolehkan penanaman dijalankan sepanjang tahun. Penemuan baka-baka baharu turut membolehkan sesuatu hasil tanaman tidak alah kepada perubahan cuaca. Sebagai contohnya, jika dahulu pokok anggur hanya boleh ditanam subur di kawasan berhawa sederhana seperti Tanah Tinggi Cameron, tetapi kini pokok anggur boleh ditanam di negeri Perlis.

Para hadirin,

Barang-barang pertanian merupakan barang keperluan asas hidup seperti beras dan ubi. Jika negara kita lebih mementingkan bidang pertanian, semasa kemelesetan ekonomi dunia, rakyat negara kita tidak perlu takut akan kekurangan barang keperluan asas ini. Kita tidak perlu menggunakan wang yang banyak untuk mendapatkan barang tersebut, sebaliknya kita mampu menjualkannya kepada negara perindustrian dengan harga yang tinggi. Keadaan ini pastinya akan mendatangkan keuntungan kepada negara kita.

Hujah saya yang seterusnya adalah jika negara kita menjadi negara perindustrian, negara kita akan terdedah kepada bahaya pencemaran alam terutamanya pencemaran udara dan air. Kilang-kilang yang dibina dengan banyaknya pasti mengeluarkan asap beracun serta bahan-bahan kimia yang boleh menjejaskan kesihatan penduduk. Adakah kita sanggup bergadai nyawa untuk mendapat keuntungan yang berlipat ganda? Tepuklah dada tanya selera.

Memandangkan masa tidak mengizinkan, ingin saya berundur seketika. Berundurnya saya bukan bermakna kami kehabisan hujah. Hujah-hujah yang lebih bernas akan disambung oleh rakan-rakan seperjuangan saya seterusnya. Sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa negara Malaysia patut menjadi negara pertanian dan bukannya negara perindustrian.

Sekian, terima kasih.





BAHAGIAN SASTERA

Dengar dan baca sajak di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Tokoh Negarawan

Tokoh
negarawan[1]
sumbangan[2]
tiada batasan.

Tokoh
negarawan
hubungan diplomasi dieratkan
era globalisasi tidak ketinggalan.

Tokoh
negarawan
ekonomi negara diberikan keutamaan
rakyat hidup penuh kemewahan.

Tokoh
negarawan
perpaduan rakyat sering **diuar-uarkan**[3]
masyarakat majmuk hidup dalam keamanan.

Tokoh
negarawan
nama negara kekal dijulang
negara terus cemerlang, gemilang dan terbilang!

(Lydia Chong)





Kamus Kaki

1. **negarawan:**
   pemimpin negara
   国家领袖

2. **sumbangan:**
   bakti
   贡献

3. **diuar-uarkan:**
   diumumkan
   宣布



Maksud Sajak

Rangkap 1

Tokoh-tokoh negarawan kita memberikan sumbangan yang banyak kepada negara kita. Sumbangan mereka ini tidak ternilai harganya.

Rangkap 2

Ahli-ahli politik kita sentiasa menjalinkan hubungan diplomasi dengan pemimpin-pemimpin antarabangsa. Hal ini disebabkan pemimpin-pemimpin negara kita sedar bahawa kita tidak boleh hidup terasing daripada negara luar pada zaman globalisasi ini. Dengan adanya hubungan ini, negara kita dapat bersaing seiring dengan kemajuan global dan tidak ketinggalan.

Rangkap 3

Pemerintah kita sedar akan pentingnya untuk mengembangkan ekonomi negara. Pelbagai usaha telah dan sedang diadakan untuk memesatkan pembangunan bidang ekonomi Malaysia. Ekonomi negara kita yang stabil menyebabkan rakyat mampu menikmati kemewahan hasil pembangunan negara.

Rangkap 4

Perpaduan rakyat turut diutamakan. Tokoh-tokoh negarawan kita sedar bahawa tanpa perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk, keamanan yang menjadi tunggak kejayaan negara tidak dapat diwujudkan.

Rangkap 5

Tokoh-tokoh negarawan kita sentiasa memikul tanggungjawab untuk memastikan nama baik negara dikekalkan. Segala usaha yang diambil adalah untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang cemerlang, gemilang, dan terbilang.

Unsur Pengajaran

1. Kita mesti menghargai bakti dan jasa yang telah disumbangkan oleh tokoh negarawan.



2. Kita harus bersyukur dengan pembangunan-pembangunan yang dibawa oleh tokoh-tokoh negarawan.
3. Kita harus memberikan kerjasama kepada para pemimpin negara kita demi melahirkan sebuah negara yang utuh, stabil, dan ternama.

Soalan Kefahaman

1. Apakah maksud perkataan 'era' dalam baris 8?
   A . masa
   B . waktu
   C . zaman
   D . tempoh

2. Aspek manakah yang kurang diberikan penekanan oleh tokoh negarawan kita?
   A . sosial
   B . politik
   C . ekonomi
   D . keagamaan

3. Mengapakah penyajak mengatakan bahawa rakyat dapat hidup mewah?
   A . negara aman dan damai
   B . ekonomi negara berkembong dengan pesat
   C . rakyat dapat bersaing secara global
   D . perkembangan pesat dalam pendidikan

4. Apakah nilai yang paling penting diamalkan dalam masyarakat majmuk?
   A . bertanggungjawab
   B . perpaduan
   C . kerajinan
   D . dedikasi

5. Antara berikut yang manakah **bukan** usaha yang telah diambil oleh tokoh-tokoh negarawan untuk mewujudkan sebuah negara yang cemerlang, gemilang, dan terbilang?
   A . melancarkan peperangan
   B . menjalankan urus niaga antarabangsa
   C . menjalinkan hubungan diplomasi
   D . melancarkan kempen kesedaran





CATATAN


UNIT 6:
PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DALAM PELBAGAI SEKTOR







MEMBACA DAN MEMAHAMI



Teks 1 (Bidang Sukan)


Juara bertahan Formula Satu (F1), Fernando Alonso menjuarai Grand Prix British semalam. Kejuaraan itu merakamkan kemenangan ketiganya berturut-turut dan kelima keseluruhan pada musim ini.

Pemandu dari Sepanyol itu mendahului pemandu lain dari petak mula untuk mencatat rekod kemenangan kali ke-13 bersama pasukan Renault.

Alonso yang sebelum ini memenangi perlumbaan di Monaco dan di Sepanyol pada bulan lalu kini mendahului Schumacher dengan 74 **mata**[1]. Schumacher kekal di tangga kedua dengan 51 mata dan Raikkonen di tangga ketiga dengan 33 mata selepas lapan pusingan.

Alonso, Raikkonen, dan Schumacher merupakan tiga orang pelumba teratas mengikut turutan. Mereka telah berjaya **memisahkan**[2] diri daripada pemandu lain di **litar**[3] sehingga pusingan ke-18 apabila Schumacher menjadi pemandu pertama tiba di **pit**[4].

(Berita Harian, Isnin, 12 Jun 2006, Segmen Sukan, B6)



1. mata:
markah yang diperoleh
得分


2. memisahkan:
menjarakkan
远离



3. litar:
trek untuk perlumbaan kereta
跑道

4. pit:
kawasan hentian sementara di litar perlumbaan
休息站

Kosa Kata





Teks 2 (Bidang Ekonomi)

Sistem kewangan di Malaysia boleh dikategorikan kepada dua, iaitu sistem perbankan dan sistem bukan perbankan. Institusi bank terdiri daripada Bank Negara Malaysia dan bank-bank perdagangan. Bank Negara Malaysia merupakan pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan mata wang di negara ini dan bank-bank perdagangan merupakan kumpulan institusi kewangan yang terbesar dan terkenal di negara kita. Bank perdagangan mendapat **dana**[5] melalui akaun simpanan tabungan dan **deposit**[6] tetap. Selain itu, bank perdagangan juga menjalankan khidmat akaun semasa yang membolehkan pelanggan membuat bayaran dengan cek. Sebaliknya, bank menyalurkan dana kutipan itu kepada peminjam melalui berbagai-bagai jenis pinjaman.





Kosa Kata


5. **dana:** tabung 基金
6. **deposit:** simpanan wang di bank atau di institusi kewangan 存款
7. **permodalan:** perihal penanaman modal 投资
8. **kredit:** pinjaman 贷款
9. **premium:** wang dibayar untuk polisi insurans 保险费

Sementara itu, sistem bukan kewangan diuruskan oleh institusi bukan perbankan, iaitu termasuklah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, syarikat insurans, institusi **permodalan**[7] pembangunan, institusi **kredit**[8], dan perumahan. Institusi bukan perbankan yang terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Syarikat insurans pula merupakan perusahaan swasta yang menghasilkan keuntungan dengan menawarkan perlindungan terhadap risiko kepada pelanggan. Sebagai balasan, pelanggan dikenakan bayaran dalam bentuk **premium**[9].

(Diubahsuaikan daripada Pengurusan Kewangan, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Teks 3 (Bidang Teknologi)

Penggunaan laman web secara optimum membolehkan pengguna internet memperoleh pelbagai **informasi**[10] terkini. Pengguna internet hanya perlu **melayari**[11] internet dengan beberapa kaedah ringkas. Ayat-ayat ringkas yang dimasukkan ke dalam ruang pencarian maklumat khas membolehkan informasi yang lengkap tanpa had muncul di laman web.



Pengguna juga boleh **mengakses**[12] internet untuk tujuan pencarian bahan-bahan **grafik**[13] dan gambar. Kesemua bahan grafik dan gambar ini boleh **dimuat turun**[14] ke dalam pen pemacu untuk dijadikan simpanan. Bagi pengguna yang mesra dan suka berkawan, perkhidmatan surat elektronik dijadikan pilihan utama. Segala maklumat yang ditaip ke dalam skrin hanya memerlukan masa selama beberapa saat untuk sampai ke alamat penerima. Perkhidmatan ini bukan sahaja mudah dan cepat malah menjimatkan wang. Pengguna juga tidak perlu risau akan penghantaran maklumat yang dihantar kerana maklumat yang dihantar melalui surat elektronik pasti akan diterima sekiranya alamat penerima ditaip dan dimasukkan ke dalam ruang yang betul.

10. informasi:
maklumat
资讯

11. melayari:
mencari dan mendapatkan maklumat
浏览

12. mengakses:
mencari sesuatu maklumat
寻找资料

13. grafik:
maklumat yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, dan simbol
绘图

14. dimuat turun:
dipindahkan sesuatu maklumat dari stesen komputer utama ke stesen komputer pengguna
下载

Kosa Kata





KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Fernando Alonso berasal dari negara mana?
   A . Britain
   B . Sepanyol
   C . Monaco
   D . Amerika

2. Berapakah perbezaan mata yang diperoleh antara tangga pertama dengan tangga kedua?
   A . 23
   B . 41
   C . 107
   D . 125

3. Antara perkhidmatan berikut yang manakah **bukan** perkhidmatan yang diberikan oleh bank perdagangan?
   A . memberikan dana kepada pelanggan tetap
   B . membayar pelanggan dalam duit pencen
   C . memberikan premium ke atas risiko simpanan pelanggan
   D . membolehkan pelanggan membuat bayaran dengan cek

4. Bagaimanakah syarikat insurans mengumpulkan dananya?
   A . melalui akaun simpanan tabungan dan deposit tetap
   B . bayaran dalam bentuk premium
   C . melalui cek akaun simpanan
   D . melalui simpanan pekerja

5. Bagaimanakah seseorang pengguna internet memperoleh maklumat terkini?
   A . memanfaatkan laman web secara optimum
   B . mengemaskinikan maklumat yang diterima
   C . menghantar surat elektronik kepada kawan-kawan
   D . mencari dan memilih bahan-bahan grafik dan gambar dalam internet

B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Nyatakan kedudukan Alonso, Schumacher, dan Raikkonen dalam pertandingan Formula 1 Grand Prix British.

2. Apakah faedah jika kita menabung di bank perdagangan?

3. Apakah bahan-bahan yang boleh diperoleh melalui laman web?

4. Nyatakan kelebihan surat elektronik.

5. Pada pendapat anda, apakah langkah yang dapat anda lakukan untuk meningkatkan perbendaharaan kata dalam pelbagai bidang?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

keseluruhan	:	ke + se + lu + ru + han	mendahului	:	men + da + hu + lu + i
hentian	:	hen + ti + an	perbankan	:	per + ban + kan
kredit	:	kre + dit	deposit	:	de + po + sit
premium	:	pre + mium	mengakses	:	meng + ak + ses
membiayai	:	mem + bia + ya + i	dimuat	:	di + muat



1. Mencari Istilah dalam Pelbagai Bidang

Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diedarkan senaskhah surat khabar dan ditetapkan mencari istilah-istilah yang digunakan dalam bidang tertentu. Istilah yang dicari perlu disenaraikan dan disebut di dalam kelas.

2. Perbahasan: Kepentingan Mempelajari Bahasa Malaysia

Bahagikan pelajar kepada enam kumpulan. Tajuk perbincangan ialah 'Mempelajari Bahasa Malaysia Lebih Penting daripada Mempelajari Bahasa Inggeris'. Tiga kumpulan menyokong tajuk tersebut manakala tiga kumpulan yang lain pula membangkang tajuk itu. Selepas perbincangan, dua kumpulan akan dipilih, iaitu masing-masing mewakili pihak pencadang dan pihak pembangkang. Perbahasan diadakan di dalam kelas.

3. Mendengar Siaran Media

Berdasarkan rakaman teks ucapan, para pelajar dikehendaki mencari tiga isi penting tentang cara untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan tiga peribahasa yang terkandung dalam ucapan tersebut.





MENULIS

1. Karangan Jenis Laporan

Baru-baru ini, Persatuan Bahasa Malaysia telah menganjurkan pelbagai aktiviti sempena pelancaran Minggu Bahasa Malaysia. Selaku Setiausaha Persatuan Bahasa Malaysia, anda diminta untuk menulis laporan tentang aktiviti tersebut.

Tulis laporan anda selengkapnya.

2. Bina Ayat

mencatat:

mata:

bank:

tabungan:

melayari:

mengakses:





1. Kata Ganda (Pengukuhan)

Kata Ganda ialah perkataan yang mengalami proses pengulangan pada Kata Dasarnya, sama ada penggandaan penuh, penggandaan separa atau penggandaan berentak.

A. Penggandaan Penuh

Penggandaan penuh melibatkan seluruh Kata Dasar Kata Nama digandakan tanpa sebarang perubahan bentuk.



Isi tempat kosong dengan kata yang diberikan berdasarkan kaedah penggandaan penuh.

Penggandaan

renek	bintang	baju	tajam	nyaris
bijak	hampir	pulau	cantik	pucat

1. Anak Pak Husin ____________________.

2. Pokok yang tumbuh di puncak gunung itu ____________________.

3. "____________________ bunga di taman itu," puji Rosmah semasa berada di kebun bunga mawar.

4. ____________________ di persisiran pantai Sabah indah sekali.

5. ____________________ pisau yang diasah oleh tukang besi itu.

6. Warna ____________________ peragawati dalam pertunjukan fesyen itu sungguh menawan hati.

7. Wajah pesakit di wad itu ____________________ kerana menghidap penyakit sakit jantung.

8. Seorang pembonceng motosikal ____________________ terjatuh apabila motosikal yang ditumpangnya terlanggar seketul batu.

9. Kereta yang dipandu dengan laju itu ____________________ terlanggar sekawan kerbau yang melintas jalan.

10. Kerdipan ____________________ di ruang angkasa memang mengasyikkan.

B. Penggandaan Separa

Penggandaan Separa Kata Nama melibatkan suku kata pertama dalam Kata Dasar. Bunyi-bunyi vokal dalam suku kata pertama perkataan yang digandakan itu mengalami perubahan menjadi vokal tengah iaitu *e* pepet.

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan kata yang diberikan berdasarkan kaedah penggandaan separa.

1. Ibu menggunakan ______________________ (benang) emas untuk menyulam sarung bantal itu.

2. Orang kaya itu terpaksa memasang ______________________ (kisi) di setiap tingkap rumahnya kerana rumahnya sering dimasuki pencuri.

3. Fabri mengemaskan buku-bukunya ______________________ (sudah) mengulang kaji pelajaran.

4. Adik menangis kerana ______________________ (langit)nya luka tercucuk tulang ikan.

5. Saiful memerhatikan beberapa ekor ______________________ (riang) yang hinggap pada dinding berhampiran dengan sebatang lampu neon.

6. ______________________ (bola) ikan, sotong, dan ketam di pasar malam itu habis dijual.

7. Wadinah hilang keupayaan pendengarannya apabila ______________________ (gendang) telinga rosak semasa dia diserang demam panas ketika berusia 2 tahun.

8. Pak Leman terpaksa menukar ______________________ (jari) basikalnya yang telah berkarat.



9. Para saintis mendapati ______________________ (sungut) yang ada pada serangga mempunyai deria rasa yang sangat kuat.

10. Ubat ____________________ (cair) itu perlu dimakan tiga kali sehari selepas makan.

C. Penggandaan Berentak

Penggandaan Berentak Kata Nama ialah proses yang menggandakan Kata Dasar Nama mengikut rentak bunyi tertentu dalam Kata Dasar itu. Dalam penggandaan jenis ini seluruh Kata Dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah.

LATIHAN

Penggandaan

Isi tempat kosong dengan kata yang diberikan berdasarkan kaedah penggandaan berentak.



1. Pengunjung pasar raya itu lari __________________ ______________________ (lintang) apabila seorang pemuda tiba-tiba mengamuk.

2. Beberapa orang budak ______________________ (mandi) di tepi kolam air terjun itu.

3. Suasana di pasar malam ______________________ (hingar) apabila orang ramai mula mengunjunginya.

4. Pak Husin ____________________ (mundar) di ruang tamu menanti kepulangan anak sulungnya.

5. Pak Jamal menjemput ______________________ (saudara) ke majlis persandingan anak lelakinya di Hotel Malaya.

6. Penduduk Taman Midah membersihkan kawasan persekitaran secara ______________ ______________________ (gotong).

7. ___________________________ (sayur) yang ditanam oleh petani-petani di kampung itu mendapat sambutan kerana menggunakan kaedah hidroponik.

8. Keadaan di dalam kelas menjadi ____________________________ (kucar) apabila salah seorang pelajar tiba-tiba menjerit kerana ternampak seekor ular di dalam almari.

9. Pemuda yang mendakwa dirinya cicit Hang Tuah itu masih disiasat _________________ (susur)nya oleh sekumpulan ahli sejarah.

10. Usaha ___________________________ (tungkus) yang ditunjukkan oleh Rahman akhirnya membuahkan hasil apabila dia ditawarkan tempat untuk melanjutkan pelajarannya ke salah sebuah universiti yang terulung di Amerika Syarikat.

Penggandaan



2. Kesalahan Umum Ayat: Jenis Ayat

Ayat-ayat bahasa Malaysia boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu Ayat Penyata, Ayat Seru, Ayat Tanya, dan Ayat Perintah.

LATIHAN

Ayat-ayat di bawah mempunyai kesalahan dari segi Jenis Ayatnya. Betulkan kesalahan tersebut, kemudian nyatakan jenis-ienis ayatnya.

Kesalahan Umum Ayat

1. Puan Fadhlina ialah guru sayang Zarina.
2. Wah, sakitnya pergelangan tangan saya!
3. Aduhai, berani awak berdalih lagi!
4. Cis, ambilkan saya pen itu.
5. Berapa markah yang kamu peroleh dalam ujian itu?
6. Harga kain ini berapakah?
7. Pak Abu yang sakitkah?
8. Usah bermain dengan api.
9. Tolong diungkit perkara yang lepas.
10. Harap perhatian pelajar sekalian.





Merumuskan Iklan

Untuk merumuskan iklan, beberapa perkara seperti berikut perlu ditekankan;

Pengenalan	:	tajuk iklan
Isi Tersurat	:	isi-isi utama seperti tempat, masa, jumlah, siapa
Isi Tersirat	:	bagaimana, mengapa, dan kesan
Penutup	:	kesimpulan daripada keseluruhannya

A. Contoh Iklan

Perhatikan iklan di bawah, kemudian buat suatu rumusan tentang iklan tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.

PUSAT TUISYEN CEMERLANG BM,UEC KURSUS KILAT!!!

Kepada semua pelajar yang bakal menduduki Peperiksaan Bersama (UEC), tawaran hebat menanti anda. Jangan lepaskan peluang keemasan ini untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Pelbagai aspek tatabahasa dan penulisan karangan UEC dihalusi malah dikendalikan oleh penceramah bahasa yang tidak asing lagi, iaitu Encik Gopal Singh.

YURAN HANYA RM5.00 untuk 50 pendaftaran terawal.

Sila hubungi Cik Noraini di talian 03-79566789 untuk sebarang pertanyaan.

Jadual waktu akan diedarkan sebaik sahaja anda mendaftarkan nama anda.

CEPATLAH REBUT PELUANG KEEMASAN INI! SIAPA CEPAT, DIA DAPAT!!!

B. Contoh Jawapan

Iklan tersebut menunjukkan tawaran kursus bahasa Malaysia untuk pelajar Peperiksaan Bersama (UEC) oleh Pusat Tuisyen Cemerlang.

Penceramah bahasa, Encik Gopal Singh akan mengendalikan kursus kilat bahasa Malaysia. Pelbagai aspek tatabahasa dan kaedah penulisan karangan yang berkesan akan dibincangkan. Yuran sebanyak RM5.00 dikenakan bagi 50 orang pelajar yang terawal mendaftar. Pelajar yang berminat boleh menghubungi Cik Noraini di talian 03-79566789. Jadual waktu hanya bagi mereka yang berdaftar.

Iklan-iklan sebegini dapat memberikan peluang kepada pelajar-pelajar UEC yang ingin memantapkan teknik-teknik penulisan dan mengukuhkan tahap penguasaan bahasa Malaysia mereka. Kelas tuisyen juga penting terutama bagi pelajar-pelajar yang lemah.

Kesimpulannya, pelajar boleh memanfaatkan kelas tuisyen agar prestasi pelajaran mereka dapat ditingkatkan.

(98 patah perkataan)





BAHAGIAN SASTERA

Dengar dan baca pantun di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Bahasa Malaysia Bahasaku

Anak kucing dikejar tebuan,
terlompat-lompat **tika**[1] disengat;
bahasa Malaysia bahasa perpaduan,
semangat **muhibah**[2] terjalin erat.

BMX Super basikal unik,
dibawa bersama sentiasa dituntun;
bahasa Malaysia bahasa akademik,
pembekal ilmu masyarakat **bertamadun**[3].

Kek lapis pelbagai aneka,
sungguh enak pelbagai rasa;
bahasa Malaysia bahasa **lingua franca**[4],
digunakan masyarakat pelbagai bangsa.

Pensel adik jatuh berdetik,
pensel patah tinggalkan kesan;
bahasa Malaysia bahasa politik,
pencetus[5] idea **penjana**[6] **wawasan**[7].

Pak Hattan memakai sarung,
singgah di gerai makan laksa;
bahasa Malaysia bahasa **terulung**[8],
tanpa bahasa hilanglah bangsa



(Wong Nai Kung)

Kamus Kaki

1. **tika:**
semasa
当时

2. **muhibah:**
perasaan persahabatan dan kemesraan
亲善

3. **bertamadun:**
beradab
文明的

4. **lingua franca:**
bahasa perantaraan antara masyarakat yang berlainan bahasa
共同用语

5. **pencetus:**
pemangkin
引发者

6. **penjana:**
penggerak
推动者

7. **wawasan:**
pandangan jauh bagi mencapai matlamat penting sesebuah negara
宏愿

8. **terulung:**
terbaik
卓越



Maksud Pantun

Rangkap 1
Bahasa Malaysia mampu menyatupadukan rakyat negara Malaysia sehingga mencetuskan kemesraan dan persahabatan yang erat antara penutur bahasa.

Rangkap 2
Bahasa Malaysia juga mendukung tugas sebagai bahasa akademik. Bahasa Malaysia mampu digunakan untuk menjelaskan segala bidang ilmu. Banyak kajian dan perbincangan peringkat pendidikan tinggi dikendalikan dalam bahasa Malaysia.

Rangkap 3
Kepentingan dan keistimewaan bahasa Malaysia telah mendorong penggunaannya dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, budaya, dan norma hidup.

Rangkap 4
Dalam bidang politik, bahasa Malaysia juga digunakan secara meluas. Hal ini menunjukkan bahawa ahli-ahli politik mampu mengutarakan pendapat dan cadangan melalui penggunaan Bahasa Malaysia untuk mencapai wawasan.

Rangkap 5
Bahasa Malaysia merupakan bahasa yang sangat penting. Bahasa Malaysia mampu membentuk bangsa Malaysia yang dinamik.

Unsur Pengajaran

1. Kita mestilah bersungguh-sungguh untuk menguasai bahasa Malaysia supaya perpaduan rakyat tercapai.

2. Kita perlulah taat setia terhadap negara dengan menguasai bahasa Malaysia.

3. Kita perlu sayang akan bahasa Malaysia agar bahasa terus berkembang pesat seiring dengan kemajuan negara.



Soalan Kefahaman

1. Bagaimanakah bahasa Malaysia dapat menyatupadukan rakyat?
   A . mudah dipertuturkan oleh semua orang
   B . digunakan dalam pelbagai sektor
   C . wahana untuk menyalurkan idea
   D . dipertuturkan dan difahami oleh semua rakyat

2. Apakah bukti yang menunjukkan bahawa bahasa Malaysia telah dimartabatkan sebagai bahasa akademik?
   A . banyak surat khabar berbahasa Malaysia diterbitkan
   B . banyak kajian ilmiah dalam bahasa Malaysia telah dilakukan
   C . banyak buku rujukan dan majalah berbahasa Malaysia dijual di pasaran
   D . banyak orang bertutur dalam bahasa Malaysia terutamanya di universiti

3. Mengapakah bahasa Malaysia dikatakan sebagai bahasa lingua franca?
   A . digunakan dalam pelbagai sektor
   B . digunakan secara meluas di Malaysia
   C . digunakan oleh masyarakat pelbagai bangsa
   D . digunakan dengan baik oleh setiap rakyat Malaysia

4. Nyatakan bukti yang menunjukkan bahasa Malaysia turut digunakan secara meluas terutamanya dalam bidang politik.
   A . Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar di Parlimen dan Dewan Rakyat.
   B . Bahasa Malaysia digunakan oleh pemimpin parti pembangkang secara meluas untuk tujuan kritikan.
   C . Bahasa Malaysia digunakan dengan meluas di semua stesen rangkaian televisyen swasta dan awam.
   D . Bahasa Malaysia digunakan secara meluas terutamanya melibatkan perwakilan negara asing ke negara kita.



5. Mengapakah keutuhan dan kemantapan bangsa itu amat bergantung pada penguasaan bahasa bangsa itu sendiri?

   A . Penguasaan bahasa tersebut membolehkan ekonomi bangsa tersebut berkembang pesat.

   B . Penguasaan bahasa tersebut membolehkan sesebuah bangsa itu menerima pelbagai kritikan daripada bangsa lain.

   C . Penguasaan bahasa tersebut membolehkan sesebuah bangsa itu memperoleh ilmu yang banyak.

   D . Penguasaan bahasa tersebut membolehkan sesebuah bangsa itu dipandang tinggi oleh bangsa yang lain.



UNIT 7:
KEPERCAYAAN







MEMBACA DAN MEMAHAMI

Kepercayaan Masyarakat Peribumi - Kadazan Dusun

Masyarakat **peribumi**[1] di Sabah terdiri daripada suku kaum Kadazan Dusun, Murut, dan Bajau. Kadazan Dusun di Sabah juga mempunyai **pegangan**[2] dan kepercayaan mereka tersendiri seperti suku kaum lain. Sebelum kedatangan Islam dan Kristian, masyarakat Kadazan Dusun ini tidak mempunyai agama atau dikenali sebagai pagan. Kebanyakan daripada mereka mengamalkan kepercayaan **animisme**[3]. Sebagai contohnya, mereka percaya bahawa seseorang yang jatuh sakit adalah disebabkan oleh makhluk-makhluk ghaib seperti hantu atau syaitan di hutan rimba, di kayu ara, dan di batu-batu besar.

Dari segi kepercayaan, masyarakat Kadazan Dusun **mengakui**[4] adanya syurga dan neraka. Suku kaum Kadazan Dusun percaya bahawa setelah mati, mereka akan pergi ke satu alam yang baharu. Bagi yang berbuat baik semasa di dunia, mereka akan masuk ke syurga manakala yang berbuat jahat akan masuk ke neraka. Berkaitan dengan kepercayaan inilah, mereka menganggap bahawa roh setiap orang yang mati akan pergi ke Gunung Kinabalu.



Kosa Kata

1. **peribumi:** penduduk asli 原住民
2. **pegangan:** pendirian 方针
3. **animisme:** kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai semangat (roh) 泛灵论
4. **mengakui:** menganggap sebagai sah 相信



Mereka menamakan gunung itu Aki Nabalu dan dalam **mantera**[5] mereka banyak menggunakan sebutan Nabalu ini. Aki ertinya nenek moyang, dan Nabalu maknanya tempat roh. Sehubungan itu, mereka mengatakan bahawa Gunung Kinabalu ialah tempat sementara bagi roh orang yang telah mati. Menurut mereka, roh akan pergi ke tempat yang lebih jauh di seberang dunia untuk masuk ke syurga ataupun ke neraka. Roh yang masuk ke syurga akan menikmati kehidupan yang senang, manakala bagi roh yang masuk ke neraka akan menghadapi **seksaan**[6] atas kesalahan yang dilakukan semasa hidup.

Orang Kadazan Dusun juga dikatakan percaya kepada satu Tuhan yang dipanggil 'Kinorohingan' yang tinggal di **kayangan**[7]. Kumpulan etnik Kadazan Dusun ini juga percaya bahawa 'Kinorohingan' mempunyai isteri yang bernama Yumun atau Umun.

Masyarakat Kadazan Dusun juga mempercayai mimpi dalam kehidupan mereka. Kadangkala mimpi akan mempengaruhi keputusan dan pergerakan harian mereka. Bagi mereka, mimpi seolah-olah memberikan **petanda**[8] kepada mereka. Oleh sebab itu, jika mereka bermimpi tentang perkara yang buruk, ini memberikan alamat yang tidak baik dan segala urusan pada hari tersebut hendaklah **dibatalkan**[9] supaya **kecelakaan**[10] dapat dielakkan.



Sesungguhnya, kaum peribumi di Sabah mempunyai sistem nilai dan kepercayaan mereka yang tersendiri. Walaupun masa beredar, sistem kepercayaan sebegini masih diamalkan dalam kehidupan harian kaum peribumi di Sabah terutama dalam kalangan generasi lama.

Kosa Kata

5. **mantera:**
   jampi
   咒语
6. **seksaan:**
   kesakitan
   折磨
7. **kayangan:**
   tempat dewa-dewi
   天堂
8. **petanda:**
   alamat
   预兆
9. **dibatalkan:**
   ditiadakan
   被取消
10. **kecelakaan:**
    malapetaka
    灾难



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Antara berikut yang manakah **bukan** peribumi di Sabah?
   A . Murut
   B . Bajau
   C . Iban
   D . Kadazan Dusun

2. Mengapakah suku kaum Kadazan Dusun dianggap sebagai masyarakat pagan?
   A . Mereka tidak ada kepercayaan sendiri.
   B . Mereka tidak mempunyai agama.
   C . Mereka tidak percaya kewujudan roh.
   D . Mereka percaya kewujudan hantu atau syaitan.

3. Apakah itu neraka?
   A . tempat roh yang tiada tempat tinggal di dunia
   B . tempat roh yang sentiasa berbuat baik di dunia
   C . tempat roh yang melakukan kejahatan di dunia
   D . tempat roh yang terperangkap di Gunung Kinabalu

4. Pilih pernyataan yang salah.
   A . 'Kinorohingan' ialah semangat yang terdapat di hutan.
   B . 'Kinorohingan' tinggal di kayangan.
   C . Isteri 'Kinorohingan' ialah Yumun.
   D . 'Kinorohingan' dianggap sebagai tuhan bagi masyarakat Kadazan Dusun.



5. Apakah fungsi utama konsep syurga dan neraka yang dipercayai dalam kalangan peribumi di Sabah?
   A . untuk menakut-nakutkan anak-anak peribumi
   B . membolehkan penduduk peribumi memilih tempat tinggal mereka selepas mati
   C . sebagai satu amaran kepada penduduk bahawa tuhan mereka sangat garang
   D . sebagai satu bentuk kawalan sosial yang menggalakkan tingkah laku yang baik

B. Soalan Subjektif

Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Apakah yang menyebabkan seseorang itu jatuh sakit mengikut kepercayaan suku kaum Kadazan Dusun?

2. Apakah pengertian Aki Nabalu dalam kalangan suku kaum Kadazan Dusun?

3. Menurut kepercayaan suku kaum Kadazan Dusun, apakah yang akan berlaku terhadap roh seseorang yang meninggal dunia?

4. Bagaimanakah mimpi mempengaruhi kehidupan Kadazan Dusun?

5. Bersetujukah anda bahawa mimpi itu boleh membawa petanda? Berikan alasan anda.





SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.


kayangan	: ka + ya + ngan	berkaitan	: ber + kai + tan
pegangan	: pe + ga + ngan	mantera	: man + te + ra
animisme	: a + ni + mis + me	kinorohingan	: ki + no + ro + hi + ngan
ghaib	: gha + ib	kadazan	: ka + da + zan
syaitan	: syai + tan	urusan	: u + ru + san



Kepelbagaian Kepercayaan Masyarakat Malaysia

Negara Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada keunikan budaya masyarakat majmuknya. Walaupun setiap kaum di Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya, perbezaan ini tidak menghalang kita untuk mewujudkan sebuah negara yang harmoni dan sejahtera. Hal ini disebabkan, rakyat negara kita telah ditanam dengan kesedaran untuk saling menghormati agama, adat resam, kepercayaan, dan pantang larang kaum lain sejak kecil lagi. Pada waktu yang sama, rakyat Malaysia memang dididik agar sentiasa memelihara keharmonian negara kita.

Secara berkumpulan, bincangkan kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan oleh setiap kaum di negara kita. Kemudian bentangkan hasil perbincangan tersebut.



MENULIS

1. Karangan Jenis Perbincangan

Tulis sebuah karangan jenis perbincangan yang bertajuk 'Punca-punca Keruntuhan Moral dalam Kalangan Remaja'. Panjang karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

2. Bidalan

Cari makna bidalan berikut dan bina satu ayat untuk setiap bidalan tersebut.

1. berani malu, takut mati

   Maksud: ____

   Ayat: ____

2. kalah jadi abu, menang jadi arang

   Maksud: ____

   Ayat: ____

3. yang baik buat teladan, yang buruk buat sempadan

   Maksud: ____

   Ayat: ____



1. Kesalahan Umum Penggunaan Kata Bilangan

A. Kata Bilangan Tak Tentu

Kata Bilangan Tak Tentu	Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
beberapa	**beberapa** sering disalahgunakan dengan penggunaan **berapa**	1. **Berapa** minit kemudian, Zainudin pun sampai di kaki gunung itu.	1. **Beberapa** minit kemudian, Zainudin pun sampai di kaki gunung itu.
berbagai-bagai pelbagai	**berbagai-bagai** atau **pelbagai** sering disalahgunakan pengimbuhannya	2. **Pelbagai-bagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah. 3. **Belbagai-bagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah. 4. **Belbagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah.	1. **Perbagai-bagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah. 2. **Berbagai-bagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah. 3. **Perbagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah. 4. **Pelbagai** kerepek dijual di gerai Mak Milah.

para	**para** sering disalahgunakan dengan penggunaan kata **para-para**	1. **Para-para** pelajar tidak dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah kerana menjejaskan proses pembelajaran.	1. **Para** pelajar tidak dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah kerana menjejaskan proses pembelajaran.
setengah-setengah sesetengah	**setengah-setengah** atau **sesetengah** sering disalahgunakan dengan penggunaan kata **setengah**	1. **Setengah** pembonceng motosikal tidak suka memakai topi keledar. 2. **Setengah-tengah** pembonceng motosikal tidak suka memakai topi keledar.	1. **Setengah-setengah** pembonceng motosikal tidak suka memakai topi keledar. 2. **Sesetengah** pembonceng motosikal tidak suka memakai topi keledar.

Kesalahan Umum Penggunaan Kata Bilangan

Peringatan!

1. **Beberapa** ialah Kata Bilangan Tak Tentu yang bermaksud lebih daripada satu manakala **berapa** pula ialah Kata Ganti Nama Tanya yang digunakan dalam Ayat Tanya (?) untuk menanyakan bilangan atau jumlah sesuatu.
2. Kata Bilangan Tak Tentu **berbagai-bagai** boleh diganti dengan **pelbagai**, **perbagai**, **perbagai-bagai** tetapi bukannya **berbagai**, **belbagai** mahupun **pelbagai-bagai**. Walau bagaimanapun, kebiasaannya Kata Bilangan yang digunakan ialah **berbagai-bagai** dan **pelbagai**.
3. Kata Tak Tentu **para** membawa maksud banyak atau semua sedangkan **para-para** bermaksud rak atau tempat meletakkan barang.
4. Kata **para** juga tidak boleh digunakan untuk merujuk kepada golongan melakukan perbuatan jenayah seperti pencuri, penculik, penagih dadah, dan perompak.
5. Kata Tak Tentu **sesetengah** atau **setengah-setengah** membawa maksud beberapa atau sebilangan daripadanya. **Setengah** pula digunakan untuk sesuatu yang membawa maksud separuh atau seperdua.

B. Kata Bilangan Himpunan

Kata Bilangan Himpunan	Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
berpuluh-puluh beratus-ratus beribu-ribu	**berpuluh-puluh**, **beratus-ratus** atau **beribu-ribu** ditulis dalam bentuk **berpuluh, beratus** atau **beribu**	1. **Beribu** rakyat Indonesia terkorban dalam tragedi tsunami yang melanda Acheh.	1. **Beribu-ribu** rakyat Indonesia terkorban dalam tragedi tsunami yang melanda Acheh. 2. **Ribuan** rakyat Indonesia terkorban dalam tragedi tsunami yang melanda Acheh.
yang berawalan ke- contoh: kedua-dua, ketiga-tiga	**kedua-dua**, **ketiga-tiga** dikelirukan dengan Kata Bilangan tingkat seperti **kedua**, **ketiga** dan **keempat**	1. **Kedua** orang saksi itu sedang memberikan keterangan berhubung dengan kes ragut yang berlaku di Jalan Alur. 2. Jordan Kuah telah mendapat tempat **kedua-dua** dalam pertandingan itu.	1. **Kedua-dua** orang saksi itu sedang memberikan keterangan berhubung dengan kes ragut yang berlaku di Jalan Alur. 2. Jordan Kuah telah mendapat tempat **kedua** dalam pertandingan itu.

Peringatan!

1. Kata Bilangan Himpunan **berpuluh-puluh**, **beratus-ratus**, **beribu-ribu**, atau **bertahun-tahun** perlu ditulis dalam bentuk Kata Berimbuhan Gandaan.
2. Kata Bilangan Himpunan yang **berimbuhan ke-** seperti **kedua-dua** membawa maksud dua-duanya sekali manakala Kata Bilangan Tingkat seperti **kedua** menunjukkan tingkat atau kedudukan yang kedua.

C. Kata Bilangan Pisahan

Kata Bilangan Pisahan	Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
tiap-tiap setiap	**tiap-tiap** atau **setiap** sering disalahgunakan dengan perkataan **tiap**	1. Nenek Jing Ling melakukan senaman taichi **tiap** pagi.	1. Nenek Jing Ling melakukan senaman taichi **setiap** pagi. 2. Nenek Jing Ling melakukan senaman taichi **tiap-tiap** pagi.

Kesalahan Umum Penggunaan Kata Bilangan

Peringatan!

Kata Bilangan Pisahan **tiap-tiap** atau **setiap** membawa maksud satu-satu daripada banyak manakala **tiap** bermaksud sekali makan atau minum yang berkaitan dengan ubat.

D. Kata Bilangan Pecahan

Kata Bilangan Pecahan	Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
suku setengah	**suku** atau **setengah** ditulis berdekatan dengan Kata Bilangan Tentu seperti **satu** dan **dua**	1. Pelajar-pelajar SPM hanya diberikan masa **dua setengah jam** semasa menjawab soalan kertas Bahasa Malaysia.	1. Pelajar-pelajar SPM hanya diberikan masa **dua jam setengah** semasa menjawab soalan kertas Bahasa Malaysia.

Peringatan!
Kata Bilangan Pecahan **suku** atau **setengah** tidak boleh ditulis berdekatan dengan Kata Bilangan Tentu seperti **satu**, dan **dua**.

2. Kesalahan Umum Penggunaan Penjodoh Bilangan

Jenis Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
hadir sebelum Kata Nama abstrak	1. Kejadian itu telah menimbulkan **sebuah keinsafan** dalam diri Azwali.	1. Kejadian itu telah menimbulkan **keinsafan** dalam diri Azwali.
digunakan dengan Kata Bilangan Tak Tentu (hanya Kata Bilangan Tak Tentu **beberapa** boleh menggunakan penjodoh bilangan)	1. **Semua orang** penduduk Kampung Pandan berpindah kerana dilanda banjir kilat. 2. **Beberapa** penduduk di kampung itu sedang berbincang tentang isu kenaikan minyak.	1. **Semua** penduduk Kampung Pandan berpindah kerana dilanda banjir kilat. 2. **Beberapa orang** penduduk di kampung itu sedang berbincang tentang isu kenaikan minyak.
tidak bersesuaian dengan konteks ayat	1. **Segerombolan** pelajar telah berkhemah di hutan itu.	1. **Sekumpulan** pelajar telah berkhemah di hutan itu.

Kesalahan Umum Penggunaan Kata Bilangan

Peringatan!

1. Kata Nama yang bersifat abstrak tidak memerlukan Penjodoh Bilangan.
2. Penjodoh Bilangan tidak boleh digunakan dengan Kata Bilangan Tak Tentu kecuali Kata Bilangan Tak Tentu **beberapa.**
3. Pelajar harus memahami penggunaan sebenar sesuatu Penjodoh Bilangan agar bersesuaian dengan konteks ayat yang diberikan. Sebagai contohnya, **segerombolan** lebih merujuk kepada kumpulan orang jahat seperti perompak atau pengganas.

3. Kesalahan Umum Ayat: Ayat Tergantung

Pelajar pernah didedahkan dengan pembentukan ayat dalam unit-unit yang lepas bahawa setiap ayat yang sempurna perlu ada subjek dan predikatnya. Sekiranya ayat tersebut kekurangan mana-mana satu bahagian sama ada subjek ataupun predikat, ayat itu dikatakan ayat tergantung kerana masih tidak lengkap

Kesalahan Umum Ayat

Jenis Kesalahan	Penggunaan Yang Salah	Penggunaan Yang Betul
ketiadaan subjek	1. Agak kecil nampaknya. 2. Di seluruh bandar itu sudah mengetahui desas-desus penemuan *big-foot*.	1. **Ruang tamu ini** agak kecil nampaknya. 2. **Penduduk** di seluruh bandar itu sudah mengetahui desas-desus penemuan *big-foot*.
ketiadaan predikat	1. Pembinaan monorel yang akan diadakan di negara kita. 2. Pelajar lelaki yang dipercayai menconteng tandas lelaki.	1. Pembinaan monorel yang akan dimajukan di negara kita **telah mendapat kelulusan kerajaan**. 2. Pelajar lelaki yang dipercayai menconteng tandas lelaki itu **telah dikenakan tindakan disiplin**.

LATIHAN

A. Gariskan Kata Bilangan yang betul.

1. (Para / Para-para) graduan lepasan ijazah dinasihati agar tidak terlalu memilih pekerjaan.

2. (Setengah / Sesetengah) ibu bapa lebih mementingkan keperluan material daripada keperluan rohani anak-anak mereka.

3. Yusri hanya memerlukan (satu setengah jam / satu jam setengah) untuk menjawab soalan matematik itu.

4. Saudari Joanne Lee telah mendapat tempat (ketiga / ketiga-tiga) dalam Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2006.

5. (Beberapa / Berapa) buah kenderaan terkandas dalam banjir kilat yang melanda bandar Shah Alam semalam.



6. (Pelbagai / Berbagai) jenis makanan halal dipamerkan semasa pelancaran *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) yang diadakan dari 10 Mei hingga 14 Mei 2006.

7. Dalam kejadian tsunami itu, (beribu-ribu / beribu) penduduk Acheh kehilangan ahli keluarga mereka.

8. (Tiap / Setiap) pagi, Pak cik Baharum akan minum kopi di gerai Param.

9. Bekerja (sesetengah / setengah) hari pada hari Sabtu sudah kurang dipraktikkan oleh syarikat-syarikat besar.

10. (Berbagai-bagai / Pelbagai-bagai) jenis ubat batuk dijual di farmasi tersebut.

B. Lengkapkan ayat tergantung berikut.

1. ______________________________ dipuji kerana keberaniannya menyelamatkan kanak-kanak yang hampir lemas itu.

2. Peminat yang menyaksikan perlawanan Bola Sepak Piala Dunia itu ______________ ______________________________.

3. ____________________________ di seluruh kawasan itu mengalami trauma akibat kejadian gempa bumi.

4. __________________________________ membelanjakan wang beribu-ribu ringgit hanya untuk menghiasi biliknya.

5. Pak Cik Hassan dikejarkan ke hospital ____________________________________.



Memantapkan Gaya Penulisan

Sebenarnya terdapat banyak teknik yang boleh dipraktikkan oleh pelajar untuk memantapkan gaya penulisan dan seterusnya menilai hasil penulisan sendiri.

A. Cadangan-cadangan untuk memantapkan gaya penulisan

- Banyak membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan teknik-teknik penulisan yang baik.

- Banyak membaca hasil penulisan untuk memahami gaya penyampaian mereka.
- Banyak membaca bahan yang berkaitan dengan isu semasa agar isi-isi penulisan lebih relevan dan terkini.
- Banyak mencari maklumat melalui laman web untuk mendapat isi yang lebih lengkap untuk sesuatu penulisan.

B. Panduan untuk menilai karangan sendiri dari segi penggunaan kata dan ayat

i. Penggunaan Kata

- Gunakan kosa kata yang tepat dan bersesuaian dengan maksud atau konteks ayat tersebut.

  Contoh:

  Remaja sekarang sangat mudah (terjatuh / **terjerumus** / terhumban) ke lembah maksiat.

- Gunakan penggunaan kelas kata yang sesuai untuk menghasilkan makna yang dikehendaki.

  Contoh:

  (Melibatkan diri / **Penglibatan diri**) remaja dalam najis dadah amat membimbangkan pelbagai pihak.

  (Penggunaan kelas Kata Nama bukannya kelas Kata Kerja)

- Gunakan kata pinjaman untuk mendapatkan ketepatan maksud.

  Contoh:

  Kebanyakan kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia sudah dapat menerima siaran (tetuang udara / **radio**).

  (radio ialah kata pinjaman bahasa Inggeris yang sudah diterima umum)

- Gunakan istilah kata atau laras bahasa yang tepat.

  Contoh:

  (**Broker-broker saham** / Pakar-pakar saham) itu kelihatan sibuk membuat panggilan berikutan kejatuhan indeks saham pasaran dunia.

  (Istilah ekonomi yang khusus lebih tepat penggunaannya)



ii. Penggunaan Ayat

- Gunakan pelbagai ragam ayat seperti Ayat Penyata, Ayat Pasif, Ayat Aktif, Ayat Tanya, dan Ayat Suruhan.
- Elakkan ayat tergantung (rujuk bahagian Tatabahasa).
- Elakkan ayat yang terlalu panjang atau berjela-jela.



Jasa Seorang Doktor di Pedalaman

Setelah **berkhidmat**[1] selama enam tahun di ibu kota, Encik Zainudin telah ditugaskan untuk mencurahkan **bakti**[2]nya kepada penduduk di sebuah kawasan pedalaman di Sabah. Encik Zainudin dan beberapa orang rakan sejawatnya sangat **teruja**[3] kerana akan bertugas buat pertama kali di kawasan pedalaman.

Kini, sudah masuk bulan yang keempat Encik Zainudin bertugas di perkampungan yang majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat peribumi. Kebanyakan mereka masih berpegang pada kepercayaan animisme.

"Kadangkala saya terasa macam nak patah semangat apabila penduduk di sini menolak perkhidmatan saya," kata Zainudin sambil mengeluh.

"Biasalah Din. Lama-lama nanti kamu akan biasa. Kerja kita sebagai "Doktor Udara" ni memang memerlukan kesabaran dan ketabahan apatah lagi jika hendak meyakinkan mereka," balas Tahrim.

"Sebenarnya saya agak risau akan keluarga Tok Rendin tu. Anaknya, Etos demam panas. Demamnya masih belum **surut**[4]. Bapanya lebih percaya akan kata-kata bomoh daripada mencuba rawatan kita."

Penduduk di situ masih terikat oleh perubatan tradisional. Mereka masih percaya bahawa penyakit adalah berpunca daripada makhluk halus atau roh jahat. Mereka

juga percaya bahawa penyakit yang dialami turut disebabkan oleh kemarahan semangat-semangat sebagai akibat gangguan manusia itu sendiri.

"Anak Tok Rendin, Etos, mendapat demam panas yang kuat. Jika tidak diberikan rawatan yang sewajarnya boleh membahayakan nyawanya. Takut-takut panasnya menjejaskan saraf-saraf otak. Biarlah kami beri suntikan untuk meredakan panasnya, Tok Rendin," pujuk Doktor Zainudin.

"Tak perlu. Tadi tok bomoh dah bakar **kemenyan**[5] dan menjamu semangat dengan ayam kampung. Esok lusa sembuhlah Etos nanti," kata Tok Rendin.

"Tapi bang, demam anak kita tak turun-turun lagi. Anak kita dah mula batuk-batuk dan hilang selera makan. Etos asyik mengaduh saja. Biarlah doktor ni rawat Etos," isteri Tok Rendin bersuara. "Saya tak nak anak saya jadi macam anak Mak Epin tu."



"Ah, saya tak nak dengar semua ni. Saya nak ke **tamu**[6] sekarang. Nak jual petai ni," kata Tok Rendin yang masih berdegil.

Selepas beberapa minit Tok Rendin meninggalkan rumah, Doktor Zainudin cuba memujuk isteri Tok Rendin untuk menyuntik anaknya. Naluri kasih sayang seorang ibu muda yang tidak mahu melihat anaknya sakit, si ibu itu pun membenarkan Doktor Zainudin merawat anaknya.

Beberapa minggu kemudian.

"Terima kasih banyak-banyak kerana mengubati anak saya. Sekarang Etos dah sihat.

Kamus Kaki

1. **berkhidmat:**
   bertugas
   服务
2. **bakti:**
   jasa
   忠诚
3. **teruja:**
   menaikkan semangat
   积极
4. **surut:**
   reda
   退
5. **kemenyan:**
   dupa atau getah daripada sejenis tumbuhan yang harum baunya apabila dibakar
   安息香
6. **tamu:**
   pasar
   市集



Dah boleh main dengan kawan-kawannya yang lain. Minta maaflah atas kedegilan saya dulu," kata Tok Rendin.

"Terima kasih kembali. Saya hanya menjalankan kewajipan saya. Saya turut gembira melihat Etos dah sembuh," kata Doktor Zainudin penuh kepuasan.

(nukilan: Lydia Chong)

Sinopsis

Cerpen di atas mengisahkan pengalaman Encik Zainudin yang berkhidmat sebagai doktor di sebuah kawasan pedalaman di Sabah. Doktor Zainudin menghadapi satu cabaran yang besar, iaitu berdepan dengan masyarakat peribumi yang masih kental dengan kepercayaan animisme. Kebanyakan mereka masih percaya kepada kuasa-kuasa ghaib yang kononnya menjadi punca seseorang itu jatuh sakit. Mereka sangat bergantung pada perkhidmatan bomoh dan belum bersedia menerima perubatan moden. Namun atas kesabaran dan kegigihan Doktor Zainudin, masyarakat di situ mulai menerima perkhidmatan perubatan moden setelah Doktor Zainudin dapat mengubati penduduk di situ.

Unsur Pengajaran

1. Kita tidak harus percaya kepada kepercayaan karut yang tidak dapat dibuktikan secara sainstifik.
2. Kita harus bersedia menerima perubahan-perubahan yang membawa kepada kebaikan.

Soalan Kefahaman

1. Siapakah watak utama dalam cerpen tersebut?
   A . Isteri Tok Rendin
   B . Doktor Zainudin
   C . Doktor Tahrim
   D . Etos

2. Apakah kesukaran yang dihadapi oleh Doktor Zainudin?
   A . tidak tahu punca dan cara untuk merawat Etos
   B . meyakinkan Tok Rendin untuk menerima perubatan moden
   C . tidak memahami kepercayaan animisme penduduk tempatan
   D . terpaksa melalui kawasan hutan yang tebal untuk ke rumah Tok Rendin

3. Apakah perkara yang paling dibimbangkan oleh Doktor Zainudin?
   A . demam panas yang dihidapi oleh Etos
   B . bertugas di kawasan pedalaman di Sabah
   C . kedegilan Tok Rendin menerima rawatan moden
   D . masyarakat yang berpegang kepada kepercayaan animisme

4. Antara berikut, yang manakah **tidak** berkaitan dengan kepercayaan tok bomoh tentang punca penyakit Etos?
   A . gangguan roh
   B . dijangkiti oleh virus
   C . disampuk makhluk halus
   D . kemarahan semangat-semangat tertentu

5. Apakah cara yang terbaik untuk meyakinkan penduduk peribumi di kawasan pedalaman untuk menerima cara perubatan moden?
   A . mengharamkan rawatan perubatan tradisional
   B . memberikan kesedaran melalui pendidikan
   C . melalui penyiaran iklan di media elektronik
   D . melalui pujuk rayu yang berterusan



C
A
T
A
T
A
N